**Atendan parkir haram dipantau** MS 3



**Taska negeri dipeta** MS 21



**Cukai taksiran naik kadar min.** MS 24

PERCUMA

# buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

16 – 31 DISEMBER 2014

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# Kompleks Bkt. Gedung cemerlang, bukti KN tidak abai Bumiputera




Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG –** Kompleks Bukit Gedung yang siap dinaiktaraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada September 2012 dinobatkan Johan Anugerah Medan Selera Bersih, Sihat & Selamat Peringkat Kebangsaan 2014 Kategori 31 Unit Ke Atas anjuran Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.



**KETUA Menteri ditemani Anwar Ibrahim (tiga dari kiri) dan Mohamad Sabu (dua dari kiri) meneliti sijil pengiktirafan diterima Kompleks Bukit Gedung pada majlis penghargaannya baru-baru ini.**

Ekoran pengiktirafan tersebut, pihak pengurusan kompleks, Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Astaka Bukit Gedung memperoleh wang tunai RM3,000, plak kemenangan dan sijil penghargaan.

Hadir meraikan kemenangan tersebut adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air (PBA) Holdings Bhd., Mohamad Sabu.

Dalam ucapannya, Guan Eng yang menzahirkan ucapan tahniah kepada pihak berkaitan menyatakan bahawa pengiktifaran tersebut jelas membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak mengabaikan golongan Bumiputera negeri Pulau Pinang yang mana Kompleks Bukit Gedung adalah terdiri daripada 100 peratus peniaga kaum Melayu yang terkenal dengan pelbagai masakan sedap.

"Bukan mudah untuk menjadi medan selera terbaik di Malaysia, sebaliknya, ia semestinya perlu libatkan usaha-usaha murni dan perlukan kesabaran serta kerjasama yang tinggi.

"Haruslah kita teruskan usaha menjaga kebersihan ini kerana bukan sahaja amalan tersebut dapat menjamin kesihatan yang baik, bahkan kebersihan adalah sebahagian daripada keimanan," ujarnya pada Majlis Penghargaan Kompleks MPPP Bukit Gedung di sini baru-baru ini.

Pada majlis perasmian sebelum ini, Guan Eng turut menyatakan bahawa Kompleks Bukit Gedung yang cantik dapat disamakan dengan taraf kompleks makanan di negara Korea.

"Ini merupakan bukti Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) memberi perhatian kepada peniaga-peniaga kecil di sini.

"Saya juga 'cemburu' melihat keindahan kompleks ini, sebab kawasan saya (Dewan Undangan Negeri, DUN Air Putih) sendiri pun tiada macam ini," seloroh beliau.

Kompleks Bukit Gedung dinaiktaraf pada November 2011 melibatkan kos RM1.5 juta menerusi peruntukan MPPP bagi memperbaiki 56 gerai daif serta kemudahan asas lain kompleks demi kepentingan rakyat.




**RUPA bentuk Kompleks Bukit Gedung.**



**PARA jawatankuasa dan ahli Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Astaka Bukit Gedung bergambar kenangan bersama Abdul Malik Abul Kassim (barisan belakang, lima dari kanan) sambil menunjukkan sijil serta trofi kemenangan.**

Keistimewaan di sini adalah suasananya yang bersih, fasiliti sempurna selain keenakan makanan-makanan popular seperti burger, tomyam, roti canai, capati, kuih-muih, nasi ayam, char kuey teow, satay dan lain-lain yang sentiasa menggamit para pengunjungnya.

# Penjualan tanah Kg. Terang - KM sudah tunggu 2 tahun

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL & LAW SUUN TING**

**BALIK PULAU –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mencabar pihak yang ingin menyaman beliau berhubung pendedahan penjualan tanah Kampung Terang membabitkan 31 pemilik Melayu di sini beberapa tahun lalu.

Katanya, niat tersebut telah dinyatakan selama dua tahun, namun sehingga kini, tiada sebarang tindakan diambil.

"Cakap nak saman Lim Guan Eng, nak saman samanlah, sudah cakap dua tahun tak saman lagi!

"Dua tahun cakap nak saman, tak saman lagi. Kita cakap fakta, bagi rakyat tahu, siapa yang untung daripada penjualan tanah tanah ini. Bukanlah Lim Guan Eng, bukanlah Kerajaan Negeri, yang untung UMNO sendiri!" tegasnya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (i-BITA) Peringkat Daerah Barat Daya di Dewan Pasar Awam Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Bagi tahun ini, Kerajaan Negeri meluluskan 333 permohonan bagi Daerah Barat Daya termasuk 82 permohonan membabitkan pelajar jurusan diploma.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, sebuah syarikat membeli tanah orang kampung membabitkan 31 pemilik tanah dengan harga RM8.6 juta dan tidak sampai tiga bulan setengah, tanah terbabit dijual dengan harga RM13.5 juta. Ini bermakna, pihak berkaitan mengaut keuntungan RM5 juta dalam tempoh tiga setengah bulan (3.5 bulan).

"Syarikat ini dimiliki oleh siapa? Dua orang, satu ialah Datuk Omar Faudzar, Ketua UMNO Bahagian Bukit Gelugor; kedua, Datuk Musa Sheikh Fadzir, Timbalan Pengerusi UMNO Pulau Pinang.

"Kalau mereka benar-benar pemimpin rakyat, keuntungan yang diperoleh dalam tempoh tiga bulan setengah itu patut kongsi sama kongsi," kata beliau.

Guan Eng menambah, seperti di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri ada lebihan, ia tidak simpan, tidak 'ditelan', sebaliknya, dikongsi bersama rakyat.

"Kita cakap tentang fakta, itu fakta tak boleh lari, dokumen semua ada.

"Ada orang cuba putar belitkan, saya dipersalahkan, satu kupang pun tak dapat, sekupang pun tak dapat, saya pulak salah, dia untung habis RM5 juta, untung, salahkan orang lain.

"Kita tak gentar, kerana kita cakap benar. kita sedialah hadapi apa-apa tindakan. Jangan ingat Ketua Menteri mudah nak tekan. Mungkin senang nak aniayai Lim Guan Eng, tapi jangan aniayai jawatan Ketua Menteri kerana Ketua Menteri dipilih oleh rakyat. Mandat oleh rakyat," jelasnya.

Dalam laporan tahun 2012, Ketua Menteri menyatakan bahawa Perdana Menteri harus mengarahkan Timbalan Pengerusi UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir dan Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Datuk Omar Faudzar supaya memulangkan keuntungan RM5 juta sebagai broker tanah atau 57 peratus keuntungan yang dikaut dalam 3.5 bulan kepada 31 pemilik tanah Melayu di Kampung Terang, Balik Pulau di sini.

Katanya, walaupun perbuatan kedua-dua pemimpin UMNO tersebut tidaklah haram, namun, tindakan mereka sebagai broker tanah menjual tanah Melayu untuk keuntungan peribadi yang sepatutnya dimiliki pemilik tanah Melayu adalah tidak bermoral dan tidak berprinsip, apatah lagi, apabila mereka mendakwa kononnya mempertahankan hak tanah Melayu.



**MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) ditemani Sim Tze Tzin (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan i-BITA kepada salah seorang penerima peringkat Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**



**KETUA Menteri dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (kiri sekali) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian penerima peringkat Seberang Perai Tengah.**



**EXCO Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada penerima peringkat Seberang Perai Utara.**



**PENERIMA peringkat Daerah Timur Laut menerima sumbangan i-BITA daripada ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim (dua dari kiri).**

# Kutipan tahunan zakat bertambah, lebih murid terima sumbangan

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERTAM –** Seramai 7,458 murid terpilih daripada 150 sekolah di negeri ini menerima sumbangan baju seragam serta beberapa kelengkapan lain daripada sumber zakat, untuk sesi persekolahan tahun depan.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berkata, lebih ramai pelajar sekolah menengah dan rendah mendapat sumbangan pada kali ini disebabkan Zakat Pulau Pinang (ZPP) memperoleh lebih banyak sumber daripada pembayar zakat fitrah serta zakat komersial.

"Umat Islam bertambah ramai membayar zakat kepada kita (ZPP) kerana keyakinan mereka pada usaha kita mengagihkan sumber zakat kepada asnaf-asnaf yang layak.

"Tahun-tahun akan datang, in *sya Allah*, lebih banyak murid akan menerima sumbangan daripada sumber zakat seperti hari ini jika jumlah kutipan tahunan zakat kita bertambah," ujarnya pada Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan 2015 ZPP Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di Dewan Millenium di sini baru-baru ini.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir berkata, pihaknya berharap ZPP berjaya memungut RM90.5 juta pada tahun ini memandangkan sebanyak RM80.07 juta berjaya dikutip pada tahun lepas.

Sebelum itu, Pengurus Besar ZPP, Dr. Azman Abdul Somat menjelaskan, peruntukan sebanyak RM3.2 juta daripada sumber zakat akan diagihkan dalam bentuk kelengkapan persekolahan kepada 15,000 pelajar terpilih sepanjang tahun 2015.

"Kelengkapan seorang pelajar kita anggarkan lebih RM200 dan waris penerima seharusnya bersyukur kepada Allah kerana terpilih menerima bantuan daripada sumber zakat ini," ujar beliau.

Bekas Mufti Pulau Pinang, Tan Sri Hassan Ahmad, Ustaz Rosli Othman (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan bagi Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, JAIPP) serta beberapa Ahli Lembaga Pengarah ZPP lain turut menyertai majlis tersebut.

Dalam pada itu, waris, Rozita Mat Ribi, 32, melahirkan rasa terharu kerana kedua-dua anaknya, Muhammad Shafiq Che Rizal, 9, dan Ainul Mardhiah Che Rizal, 8, turut dipilih menerima bantuan persekolahan daripada sumber zakat.

"Dua kali dah (menerima bantuan dari sumber zakat), iaitu pada tahun ini dan tahun lepas (2013).

"Alhamdulllah, saya bersyukur kerana Sekolah Kebangsaan (SK) Pinang Tunggal dekat Kepala Batas dan Kerajaan Negeri memberi perhatian pada keadaan anak-anak saya ini," jelasnya.

Menurut Rozita, kesemua empat anaknya bersekolah dan sumbangan tersebut dapat mengurangkan kos persiapan persekolahan pada hujung tahun ini.



**ROZITA Mat Ribi (depan, bertudung ungu) bersama-sama dua anaknya, Muhammad Shafiq Che Rizal (depan, kiri sekali) dan Ainul Mardhiah Che Rizal (kanan sekali) ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan 2015 ZPP Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.**

# Jangan buat bayaran kepada atendan parkir haram - OCPD

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN WEI & NAZLEEN NAJEEB**

**GEORGE TOWN –** Sebagai langkah membasmi gejala atendan parkir haram di negeri ini, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung penubuhan pasukan khas bagi memantau aktiviti pihak berkaitan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penubuhan yang bakal dilaksanakan dalam tempoh terdekat itu adalah bagi memantau aktiviti atendan parkir haram di seluruh negeri terutamanya membabitkan kawasan-kawasan panas seperti stesen keretapi Bukit Bendera, Padang Kota Lama, Jalan Penang, kawasan Megamall Perai dan lain-lain.

"Perkara tersebut akan dibincangkan dengan Ketua Polis Negeri supaya tindakan tegas dapat diambil bagi membolehkan rakyat Pulau Pinang dan pelancong berasa selamat menjelang musim percutian," katanya pada sidang akhbar di sini baru-baru ini.



**PAPAN tanda amaran yang dipasang MPPP.**

Turut hadir, Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid, Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan YDP MPPP, Dato' Patahiyah Ismail.

Dalam pada itu, Mior Faridalathrash menasihatkan orang ramai yang berdepan dengan atendan parkir haram supaya tidak membuat sebarang bayaran, sebaliknya hubungi PDRM di talian **04 - 218 1881** atau **04 - 269 1999**.

Sementara itu, dalam sidang media berasingan oleh Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha menyatakan bahawa pihaknya telah memasang papan tanda amaran di 12 lokasi panas sekitar pulau baru-baru ini.

"Papan tanda ini dilengkapi talian *hotline* Antarabangsa MPPP serta PDRM untuk memudahkan orang ramai membuat laporan sekiranya terdapat aktiviti atendan parkir haram di lokasi-lokasi berkaitan. Malah, anggota penguatkuasa juga ditambah kepada lapan kakitangan (asal empat) yang bertugas di lokasi-lokasi khas mengikut syif.

"Antaranya, Bukit Bendera, Persiaran Gurney, Jalan Macalister, Jalan Burma, Padang Kota Lama, Taman Free School, Taman Tun Sardon, Lebuh Chulia, Jalan Penang, Jalan Datuk Keramat, Jalan Jelutong dan Lorong Selamat," jelas beliau di sini.

Tambah Mohamed Akbar, orang ramai yang berdepan dengan masalah berkenaan boleh menghubungi talian MPPP, **04 – 263 7637/04 – 263 7000.**

Mengikut Seksyen 112, Akta Pengangkutan Jalan, Penguatkuasa MPPP tidak mempunyai kuasa untuk menahan atendan parkir haram sebaliknya, hanya melaporkan kepada PDRM atau 'menghalau' pihak berkaitan.

Kuasa menangkap atendan parkir haram oleh MPPP hanya boleh dikuatkuasa seandainya MPPP diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya dan mengikut peruntukan undang-undang berkenaan.


**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Mior Faridalathrash Wahid selepas selesai sidang media berhubung inisiatif membanteras aktiviti atendan parkir haram di sini baru-baru ini.**


**MOHAMED Akbar Mustapha (kiri sekali) menunjukkan contoh papan tanda amaran yang dipasang MPPP baru-baru ini.**

# Maimunah antara pemenang ICLEI RexCom

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEOGE TOWN –** Yang di-Pertua (YDP) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif diumumkan sebagai salah seorang daripada tiga pemenang anugerah, *International Council Local Environmental Iniciatives* (ICLEI) *South East Asia Regional Executive Committee* (RexCom) *Election* pada 27 November lalu.

Seramai enam wakil meliputi penyertaan dari Indonesia, Malaysia dan Filipina mengambil bahagian dalam pemilihan berprestij berkaitan.

Maimunah pada majlis sidang media menjelaskan bahawa di bawah ICLEI RexCom, beberapa tanggungjawab perlu dipikul beliau dalam memastikan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) di Asia Tenggara bertambah baik.

"Antara peranan yang bakal dipikul adalah mewakili Asia Tenggara ke mesyuarat serta persidangan, menjadi Duta ICLEI Asia Tenggara, merapatkan koordinasi ICLEI, berunding dengan ahli persatuan ICLEI dalam apa jua keadaan, menggalakkan organisasi mengambil bahagian dalam penganjuran program, memberi sokongan kepada pengumpulan dana oleh Asia Sekretariat ICLEI, melantik ahli tambahan bagi ICLEI, mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat tahunan dan menghantar laporan mesyuarat," jelasnya di sini baru-baru ini.

Turut meraikan kecemerlangan beliau adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, YDP Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Dato' Patahiyah Ismail, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

ICEI adalah badan dunia yang memberi tunjuk ajar kepada bandar-bandar dan kerajaan tempatan (KT) dalam membentuk pembangunan mampan. Malah, ia juga berperanan menggalakkan KT menjadi PBT berdaya tahan, menguruskan sumber dengan cekap, kepelbagaian biologi, melaksanakan *low carbon* untuk pembinaan struktur pintar dan ke arah bandar hijau dengan membantu melahirkan masyarakat yang sihat serta bahagia.

Tambah Maimunah, selain menjadi wakil RexCom, beliau kini dalam proses menunggu keputusan berhubung pencalonan sebagai ahli jawatankuasa *Global Executive Committee* (GexCom) yang mana pemilihan tersebut hanya untuk satu jawatan daripada tiga dipertandingkan.

Sementara itu, pada sidang media sama, Guan Eng mengumumkan bahawa mee segera keluaran negeri Pulau Pinang, *MyKuali Penang's White Curry Noodle* berjaya memperoleh pengiktirafan sebagai mee segera paling sedap bagi tahun 2014.

Jelas beliau, pengiktirafan tersebut adalah dari laman blog, *The Ramen Rater (www.theramenrate.com)* milik warganegara Amerika Syarikat.

"Dalam blog tersebut, penulis menyatakan bahawa mee ini mempunyai rasa kari yang hebat dan sedap untuk dimakan. Meenya juga tidak begitu tebal dan nipis untuk kunyahan yang selesa.

"Pengiktirafan ini sememangnya sungguh bermakna kepada Pulau Pinang yang terkenal dengan jolokan syurga makanan apabila kemenangan tersebut berjaya mengalahkan 1,365 mee segera lain dari seluruh dunia," ujar Guan Eng.


**MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, empat dari kiri) bersama-sama ahli-ahli Majlis dan pasukan kerja MPSP menunjukkan trofi-trofi serta sijil-sijil penghargaan diterima PBT berkaitan pada Perhimpunan Korporat yang diadakan di sini baru-baru ini.**

# Rumah siap selepas 14 tahun inisiatif Kerajaan Negeri

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BALIK PULAU –** Selepas 14 tahun, seramai 63 pembeli projek perumahan Taman Seri Sayang, Jalan Genting di sini mampu menarik nafas lega apabila mampu menduduki kediaman berkaitan hasil inisiatif Kerajaan Negeri November lalu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri melalui portfolionya giat menjalankan pemantauan bagi membolehkan projek-projek yang dalam pemajuan ataupun lewat daripada tarikh sepatutnya diteruskan demi kesejahteraan rakyat.

Beliau memberitahu, Projek Taman Seri Sayang seharusnya siap 12 tahun lalu (2002), iaitu selepas dua tahun perjanjian jual beli, tetapi mengalami masalah sehingga ia ditunda beberapa kali.

"Mengikut aduan diterima membabitkan para pembeli, jaminan siap projek daripada pihak pemaju adalah pada 2002, tetapi sehingga tahun ini (2014), projek masih gagal disiapkan atas alasan tertentu.

"Oleh itu, sejak Februari lalu, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif berusaha membantu pembeli-pembeli di sini.

"Adalah menjadi komitmen kami (Kerajaan Negeri) untuk pastikan pembeli dapat menduduki rumah yang dibeli," ujarnya pada Majlis Penyerahan Kunci Taman Seri Sayang di sini baru-baru ini.

Projek perumahan Taman Seri Sayang adalah membabitkan pembinaan 38 unit pangsapuri kos sederhana, rumah teres (11) dan rumah kedai dua tingkat (14 unit).

Dalam pada itu, pada majlis sama, Jagdeep turut menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak membantu Bumiputera untuk memiliki rumah mampu milik di negeri ini.

"Menurut rekod Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) sejak Ogos 2013, terdapat 11,695 pemohon memohon rumah mampu milik di seluruh negeri Pulau Pinang.

"Daripada statistik tersebut, 4,742 pemohon merupakan dalam kalangan Bumiputera, 5,215 (Cina dan lain-lain) dan 1,738 (India)," ujar Jagdeep.




**JAGDEEP Singh Deo (berdiri, empat dari kanan) bersama-sama pembeli projek perumahan Taman Seri Sayang menunjukkan replika kunci pada majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.**



**PARA penduduk bergambar kenangan sambil berlatarbelakangkan kawasan perumahan Taman Seri Sayang, Jalan Genting.**

## Enakmen baru galak penternakan tertutup elak pencemaran & lalat

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu bahawa beberapa enakmen baru sedang diperhalusi sebelum diperkenalkan kepada penternak unggas dan khinzir sebagai usaha membasmi masalah pencemaran serta lalat di beberapa tempat berdekatan dengan kawasan perumahan di negeri ini.

Beliau berkata demikian semasa hadir merasmikan Majlis Penyempurnaan Bantuan DVS Negeri Pulau Pinang 2014 di perkarangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut Afif, enakmen yang bakal diperkenalkan menjelang tahun 2017 itu adalah untuk menggalakkan sistem penternakan secara tertutup *(closed farming system)* yang terbukti berkesan mengatasi masalah pencemaran dan lalat.

"Sistem ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru..ianya sudah lama dijalankan, tetapi masih belum diperluaskan lagi. Mungkin apabila enakmen ini diperkenalkan nanti ia dapat menggalak para penternak untuk mengunapakai sistem ini.

"Walaupun pelaburan lebih besar diperlukan, tetapi pulangan modal diterima adalah lebih memandangkan ternakan menjadi lebih baik dan produktiviti semakin meningkat menggunakan sistem ini.

"Justeru, taklimat khas akan diadakan kepada penternak berkaitan apabila enakmen tersebut diperkenalkan nanti," ujarnya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Dr. Johari Abu Bakar dan Ketua Bahagian Pembangunan Industri DVS Negeri Pulau Pinang, Dr. Madihah Rauza Ahmad Salimi.

Tambah Afif, pengenalan enakmen itu secara tidak langsung dapat menjadikan industri pertanian semakin canggih dan maju.

"Harapan saya adalah industri pertanian dan penternakan di negeri ini dapat menjadi contoh kepada negeri-negeri lain setelah para penternak mengamalkan sistem ini.

"Saya mahu lihat industri penternakan dapat jadi sama baik dan canggih seperti industri pembuatan di sini nanti," seru beliau yang menyampaikan bantuan kepada 95 penternak terpilih seluruh Pulau Pinang di sini.

Dalam pada itu, Johari turut mengingatkan para penternak supaya menjaga ternakan masing-masing ekoran laporan kes kecurian yang semakin meningkat kini.

"Sehingga kini, mengikut laporan polis, hampir empat juta ternakan dilaporkan dicuri di seluruh negara.

"Saya ingin mengingatkan para penternak supaya dapat *branding* (cop hak milik) setiap binatang ternakan supaya mudah untuk dikenalpasti," ujar beliau.

Penyampaian bantuan adalah membabitkan tujuh kategori termasuk peralatan ternakan, makanan ternakan serta penaiktarafan kandang dan reban.

Permohonan bantuan DVS Pulau Pinang dibuka setiap tahun bermula 1 Januari sehingga 1 Mac dan boleh dipohon melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di seluruh Pulau Pinang.



**DR. Afif Bahardin (kanan sekali) menyampaikan bantuan DVS kepada salah seorang penternak pada Majlis Penyempurnaan Bantuan DVS Negeri Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN jemputan yang hadir.**

# Projek kurang risiko banjir Taman Sri Nibong RM1.3 juta siap



KETUA Menteri bersama-sama pemimpin Kerajaan Negeri lain menyaksikan salah satu infrastruktur sistem perparitan yang telah siap dimajukan di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **MARK JAMES**



**INFRASTRUKTUR sistem perparitan yang telah siap.**

**JAWI** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap penarafan sistem saliran di Taman Sri Nibong bernilai RM1,305,141.60 yang siap dibina pada 24 September lepas dapat mengurangkan risiko bencana banjir di sini.

"Selain daripada mengatasi masalah banjir kilat, projek ini juga adalah bertujuan membaiki dan menaiktaraf sistem perparitan sedia ada yang telah uzur," ujarnya pada Majlis Penyempurnaan Projek Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Taman Sri Nibong di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman, Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis bagi MPSP) dan Loh Joo Huat (Ahli Majlis MPSP).

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri pada 2013 dan 2014 masing-masing memperuntukkan RM6,323,672.67 dan RM8,351,734 daripada sumber Wang Caruman Perparitan untuk projek tebatan banjir serta penarafan sistem perparitan berwajib di daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Itu, tambahnya, tidak termasuk projek perancangan masa depan lain di ketiga-tiga daerah yang dianggarkan menelan kos RM2.9 juta.

Sebelum itu, Maimunah memaklumkan bahawa lima projek penarafan pelbagai infrastruktur cegah banjir sedang dilaksanakan MPSP, yang menelan belanja RM5,505,592.52.

Kerja-kerja penarafan yang dimaksudkan, jelas beliau adalah di Taman Siakap Seberang Jaya, Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai, Kawasan Perindustrian Sungai Lokan, pintu parit Monsun Taman Bagan dan Taman Machang Bubuk.

Terdahulu, Guan Eng bersama-sama pemimpin Kerajaan Negeri baru merasmikan Projek Tebatan Banjir bernilai 6,913,896 di Jalan Kampung Baru dekat kawasan Parlimen Bukit Mertajam.

Manakala, dalam Bajet 2015 Pulau Pulau Pinang, Guan Eng mengumumkan tambahan RM10 juta menjadi keseluruhan peruntukan projek tebatan banjir serta penarafan sistem perparitan untuk tahun depan berjumlah RM23.9 juta.

# Kunjungan Konsul Jenderal RI tanda penghargaan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**RONALD J.P. Manik.**

**GEORGE TOWN** – Konsul Jenderal Republik Indonedia (RI) ke Pulau Pinang, Ronald J.P. Manik baru-baru ini mengadakan kunjungan rasmi terhadap Ketua Menteri, Y. A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini.

Kunjungan tersebut adalah untuk merapatkan silaturrahim dan menyampaikan ucapan terima kasih secara peribadi di atas bantuan dan sokongan Kerajaan Negeri yang membantu beliau sepanjang tempoh khidmatnya di Konsulat Republik Indonesia di sini.

Difahamkan Ronald yang telah berkhidmat sebagai Konsul Jenderal RI di sini selama lebih 7 bulan akan ditukarkan ke kedutaan lain.

Lawatan kunjungan hormat tersebut diakhiri dengan pertukaran cenderamata di antara Guan Eng dan Ronald sebagai tanda kenangan serta penghargaan.

# KM doa Raja Thailand kesihatan yang baik



**DEMONSTRASI makanan tradisional Thailand, *som tam* oleh jawatankuasa penganjur.**

**TERUS DILIMPAHI KEMAKMURAN...** Bersempena Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Raja Bhumibol Adulyadej Ke-87, sebuah majlis makan malam tertutup diadakan di sini anjuran Pemangku Konsul Jeneral Thailand ke Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama Chongchareon Devahasdin Na Ayudhaya baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir pada majlis berkenaan mendoa dan mengharapkan kesihatan yang baik buat Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol.

Malah, beliau berdoa agar rakyat dan negara tersebut terus dilimpahi dengan kemakmuran yang berterusan.

Turut hadir, Konsul Jeneral Jepun, Indonesia dan wakil-wakil daripada pejabat perwakilan pelbagai negara.

Pada majlis tersebut, para tetamu disajikan dengan pelbagai makanan tradisional Thailand seperti *som tam* sambil dihiburkan dengan persembahan kebudayaan yang menarik.

# KM, REHDA rayu yuran penyelenggaraan flat dikecuali GST

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merayu Putrajaya supaya pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dijadualkan pada pertengahan tahun depan dikecualikan ke atas yuran penyelenggaraan penghuni rumah flat kos rendah dan kos sederhana rendah.

"Kebanyakan rakyat di negeri ini mampu membeli flat disebabkan mereka tidak mampu membeli rumah mampu milik, maka, kebanyakan daripada 16 peratus populasi rakyat Malaysia di Pulau Pinang pun akan turut menanggung kesan berantai ini.

"Justeru, mesyuarat Kerajaan Negeri memutuskan untuk merayu kepada Kerajaan Pusat (agar) pengecualian ke atas semua penghuni rumah flat di negara ini daripada membayar enam peratus GST (atas yuran penyelenggaraan), bukan di Pulau Pinang sahaja," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Datuk Jerry Chan (Pengerusi Persatuan Hartanah dan Perumahan Pulau Pinang, REHDA) turut menyertai sidang media tersebut.

Nada yang sama turut diluahkan Jerry.

"Jika GST dikenakan ke atas 100 unit umpamanya, tetapi yang berjaya dikutip (yuran penyelenggaraan) meliputi 60 hingga 70 penghuni flat sahaja, maka, penghuni bukan sahaja membayar pada kadar enam peratus (GST), malah, terpaksa membayar lebih daripada itu semata-mata untuk membiayai (GST atas keseluruhan 100 unit rumah pangsa tersebut," jelasnya.

Tambah Jerry, pengecualian GST ke atas yuran penyelenggaraan penghuni adalah wajar memandangkan penempatan mereka bukanlah membabitkan jual beli barangan atau perkhidmatan.

Terdahulu, Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Datuk Seri Khazali Ahmad dilaporkan berkata, GST dikenakan terhadap syarikat pengurusan flat atas dalih perkhidmatan dan keuntungan yang diperoleh pihak berkaitan.

"Bayaran yuran penyelenggaraan daripada penduduk dikenakan bagi tujuan perkhidmatan penyelenggaraan kondominium dan mereka mempunyai keuntungan daripada yuran berkenaan," jelas beliau dipetik dari satu akhbar arus perdana sebelum ini.

# Exco harap Pusat segera naiktaraf hospital negeri



**DR. AFIF Bahardin (dua dari kiri) dan isteri, Dr. Mardhiah Zakaria (empat dari kiri) bersama-sama beberapa jururawat berinteraksi dengan salah seorang ibu bayi baru lahir di katil tambahan dekat laluan tengah salah satu wad bersalin Hospital Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**




Gambar: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA** - Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berharap rancangan Kerajaan Pusat untuk menaiktaraf hospital-hospital di negeri ini dapat disegerakan secepat mungkin.

Beliau berkata demikian semasa Majlis Penyampaian Cenderamata serta Edaran Borang Permohonan Sumbangan Program Bayi Emas kepada waris bayi baru lahir di Hospital Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

"Setakat ini, memang ada rancangan untuk membina sebuah bangunan bertingkat di sini (Hospital Seberang Jaya) dan memang kita (Kerajaan Negeri) telahpun meminta Kementerian (Kesihatan) untuk mempercepatkan.

"Macam hari ini, sepatutnya ada 28 katil sahaja (dalam wad bersalin), tetapi ada pertambahan sampai 20 katil," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya kepada wartawan sempena lawatan berkenaan.

Isterinya, Dr. Mardhiah Zakaria turut menyertai majlis tersebut.

Menurut Afif, lambakan pesakit di wad bersalin Hospital Seberang Jaya kini mungkin memakan masa dalam dua hingga tiga tahun memandangkan wad bersalin Hospital Pulau Pinang (HPP) dekat Jalan Residensi terpaksa ditutup dalam satu tempoh untuk kerja penaiktarafan menjadi Hospital Wanita dan Kanak-Kanak yang baru.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut mensyorkan Kerajaan Pusat supaya menjelaskan status terkini mengenai rancangan menaiktaraf Bahagian Forensik di Hospital Balik Pulau, sebagaimana diumumkan Ahli Parlimen Balik Pulau merangkap Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya sebelum ini.

Terdahulu, Afif pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dekat George Town baru-baru ini turut menjelaskan bahawa bilangan katil yang dibekalkan di semua hospital kerajaan di negeri ini adalah mencukupi.

Bagaimanapun, katanya, ruang wad sedia ada yang begitu terhad menjadi sesak dengan katil-katil tambahan mengikut keperluan pesakit yang kian bertambah dari semasa ke semasa.

Menurut beliau, HPP mempunyai 1,107 katil, Hospital Seberang Jaya (314 katil), Hospital Bukit Mertajam (242 katil), Hospital Kepala Batas (108 katil), Hospital Sungai Bakap (105 katil) dan Hospital Balik Pulau (71 katil).

Memetik Rancangan Malaysia Ke-10, Afif menjelaskan, Kerajaan Pusat turut mengumumkan kelulusan projek pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak dekat Jalan Residensi serta blok bertingkat baru Hospital Sebarang Jaya.

# Mohd. Rashid kini 'Imam Khalifah Negeri' PSSPGM

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



DEMONSTRASI para pelatih pada Bengkel Adat dan Majlis Penganugerahan Sandang Kebesaran PSSPGM di Madrasah An-Nahdhoh di sini baru-baru ini.



ABDUL Majid Mat Isa (empat dari kiri) menyempurnakan istiadat penganugerahan sandang kebesaran "Imam Khalifah Negeri" kepada Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) sambil diperhatikan hulubalang kehormat PSSPGM lain di sini baru-baru ini.

**PENANTI –** Pengasas merangkap Guru Utama Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia (PSSPGM), Abdul Majid Mat Isa dalam satu istiadat persilatan baru-baru ini menganugerahkan sandang kebesaran kepada Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, yang membawa gelaran "Imam Khalifah Negeri".

Mohd. Rashid dalam ucapannya merakamkan penghargaan atas anugerah tersebut serta berharap PSSPGM dapat menjadi benteng pertahanan ketiga pada Kerajaan Negeri dan tanah air ini.

"Aktiviti persilatan ini bukan sahaja menyihatkan badan, malah, memupuk kesedaran anak-anak kita untuk memartabatkan bangsa serta kembali hidup dengan cara Islam sebenar.

"Justeru, saya berharap PSSPGM akan terus menjadi benteng pertahanan ketiga selepas tentera dan polis, dalam memelihara keamanan di negeri ini dan Malaysia," ujarnya semasa merasmikan Bengkel Adat dan Majlis Penganugerahan Sandang Kebesaran PSSPGM di Madrasah An-Nahdhoh di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Abdul Majid yang lebih mesra dipanggil "Cikgu Majid" mengingatkan para pelatihnya supaya mendidik anak bangsa dengan pegangan agama yang sebenar.

Beliau turut meminta para pelatihnya menumpahkan taat setia kepada pemimpin negara dan negeri ini, selagimana mereka mentaati Allah dan Rasul-Nya.

"Jangan kita lupa tanggungjawab kita yang sebenar-benarnya, iaitu menghambakan diri kepada Allah dan Rasul.

"Taatilah pemimpin negara dan negeri ini tanpa berbelah bahagi, selagimana mereka taati Allah dan Rasul-Nya," tegas Abdul Majid dalam ucapannya yang dilihat penuh istiadat itu.

Manakala, Pengasas Yayasan dan Madrasah An-Nahdhoh, Tuan Guru Ustaz Abdul Mutalib Maarof sendiri memimpin bacaan 'doa selamat' pada majlis istiadat tersebut.

Pada majlis sama, Mohd. Rashid turut menyaksikan "Cikgu Majid" menyampaikan sandang serta ijazah perguruan silat kepada beberapa pelatih terpilih.

Majlis tersebut turut diserikan dengan beberapa demonstrasi aksi tempur bersenjata membabitkan pelatih-pelatih sendiri.

# Penting tahu punca sumber makanan – Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD**

**GEORGE TOWN –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa adalah penting bagi rakyat mengetahui punca sebenar sumber makanan yang dimakan setiap hari sebagai jaminan tahap kebersihannya.

Hal demikian diulas bersempena penganjuran forum diskusi minda, *'From Farm To Stomach'* anjuran Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) di sini baru-baru ini.

Jelas Afif, pengguna 'terakhir' lazimnya mempunyai hak untuk mengetahui asal-usul produk-produk makanan di pasaran berhubung aspek penjagaan serta penekanan kebersihan.

"Sebelum ini, terdapat kes penutupan kilang roti di Pulau Pinang, ada orang bertanya, tak kan tak boleh tolong kes ni? Saya cakap boleh, dengan syarat bersihkan premis dan kilang, dengan itu, JKNPP pun tiada masalah untuk beri kebenaran beroperasi semula.

"Begitulah pentingnya fungsi Kerajaan Negeri, yang mana kita akan beri kerjasama tanpa kompromi berhubung hal-hal membabitkan kebersihan pembuatan makanan," katanya pada sesi diskusi yang diadakan di sini.

Turut hadir sebagai panel adalah wakil dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Jabatan Veterinar Pulau Pinang dan Bahagian Penguatkuasaan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Pulau Pinang.

Selain pengusaha-pengusaha makanan, turut hadir sebagai peserta dalah pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS) serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan.




DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) ketika sesi diskusi penganjuran forum, *'From Farm To Stomach'* di sini baru-baru ini.

# Gilap bakat anak istimewa - Zairil




ZAIRIL Khir Johari (kiri sekali) berinteraksi dan memberi sokongan moral kepada (dari kiri) Boo Xin Ying, Lim Jia Wen dan Jimmy Teoh Hoong Yang yang mengambil bahagian dalam pertandingan karaoke Pesta Pulau Pinang 2014 di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Kecacatan tidak menghalang tiga insan istimewa ini untuk terus maju jaya dan membina masa depan yang baik.

Mereka, Boo Xin Ying, 20, Lim Jia Wen, 20, dan Jimmy Teoh Hoong Yang, 21, masing-masing cacat penglihatan.

Menurut Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari yang meluangkan masa bersama mereka di *St. Nicholas Home* berkata, tanggapan masyarakat terhadap anak-anak istimewa yang tidak mampu berbuat apa-apa adalah ternyata salah.

"Melihat kebolehan dan keupayaan ketiga-tiga insan istimewa ini dalam seni muzik merupakan sesuatu yang unik dan perlu terus digilap agar suatu hari nanti mereka akan dikenali sebagai golongan berpotensi tanpa batasan," ucapnya pada majlis khas diadakan di sini baru-baru ini.

Beliau yang hadir memberi sokongan moral berharap penyertaan Xin Ying, Jia Wen dan Hoong Yang dalam Pertandingan Karaoke Lagu-lagu Mandarin Remaja sempena Pesta Pulau Pinang 2014 dapat memberi persepsi yang positif terhadap golongan kurang upaya (OKU) berkenaan.

Hadir sama pada pertemuan tersebut, Pengarah Eksekutif *St. Nicholas Home*, Daniel Soon.

Xin Ying, Jia Wen dan Hoong Yang bukan sahaja mempunyai bakat dalam nyanyian, tetapi juga pandai bermain gitar dan piano.

# Jaga segala kemudahan termasuk CCTV & kebersihan – Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Flat Jalan Kedah pernah dinobat sebagai flat kos rendah pertama dalam negeri dilengkapi kemudahan kamera litar tertutup (CCTV), kini sejumlah 32 unit CCTV secara keseluruhan dipasang sekitar kawasan berkaitan hasil inisiatif berterusan Kerajaan Negeri demi keselamatan para penduduk di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang mengadakan lawatan ke flat berkenaan baru-baru ini berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM18,000 bagi pemasangan 20 unit CCTV pada awal Disember lalu.

"Pemasangan sistem pemantauan 24 jam ini ditumpukan di lokasi-lokasi dikenalpasti pihak polis sebagai berisiko tinggi, sama ada bagi membendung gejala jenayah mahupun membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam aspek vandalism," katanya kepada pihak media di sini baru-baru ini.

Tambah Kon Yeow, selain CCTV, masing-masing tiga unit tong sampah dan lampu jalan juga telah disumbangkan bagi kemudahan penduduk flat berkenaan.

"Saya berharap agar penduduk dapat menjaga segala kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri demi kepentingan bersama dan membantu PBT untuk menjaga kebersihan serta keindahan Flat Jalan Kedah ini.



FLAT Jalan Kedah yang diberi nafas baru.

"Ayuh! sama-sama jadikan Flat Jalan Kedah sebagai contoh kepada semua dari segi kebersihan, keselamatan dan keindahan persekitaran," seru beliau.



TEH Chai Hock menunjukkan demonstrasi rakaman CCTV di bilik operasi Flat Jalan Kedah di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Persatuan Penduduk Flat Jalan Kedah, Teh Chai Hock menyatakan bahawa sejak pemasangan CCTV pada 2005, beberapa kejadian jenayah dan pecah rumah dapat dibendung. Begitu juga mengenalpasti penduduk yang mempunyai tabiat membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya.

"Ternyata pemasangan CCTV dapat membantu MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) dan pihak polis memantau kawasan sekitar flat ini," ujarnya yang turut berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri.

Flat Jalan Kedah mempunyai 320 unit rumah kos rendah dengan 25 lot kedai di bawah kelolaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Pada tahun 2012, flat berkenaan telah dicat semula di bawah Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang, HAPPY! dengan jumlah peruntukan RM393,660. Daripada jumlah tersebut, RM328,050 (80 peratus) ditanggung PDC, manakala baki 20 peratus atau RM65,610 adalah daripada penduduk (RM35,610) dan peruntukan Kon Yeow sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota (RM30,000).

## Taman Sungai Duri Permai terbersih di Seberang Perai

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**JAWI –** Taman Sungai Duri Permai di sini dipilih sebagai taman terbersih dalam Pertandingan Taman Bersih 2014 anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman berkata, pencapaian itu sekaligus bakal mengubah tanggapan awam kononnya komuniti Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) seakan ketinggalan daripada arus pembangunan negeri.

"Kejayaan ini kerana kerjasama yang kuat dalam komuniti sekarang iaitu dengan komitmen yang tidak berbelah-bahagi daripada MPSP sendiri.

"Sekarang...Sungai Duri Permai dari Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sudah menjadi juara mendahului kawasan-kawasan parlimen lain (di Seberang Perai)," ujarnya yang juga Pengarah YIPP dalam Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Taman Bersih 2014 di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, tiga Ahli Majlis MPSP, Zulkifli Ibrahim, Loh Joo Huat dan H'ng Mooi Lye serta Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), Anuar Abd. Hamid, Ir. Rosnani Mahmod (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP) dan wakil Surau Taman Sungai Duri Permai.

Sebelum itu, Maimunah memberitahu, pertandingan buat julung kali diadakan itu disertai tujuh taman mewakili semua parlimen sekitar Seberang Perai.

Menurut beliau, taman yang dimaksudkan adalah Taman Bertam Putra dekat Seksyen 5 mewakili Parlimen Kepala Batas, Taman Desa Murni Fasa Empat (Tasek Gelugor), Taman Riang (Bagan), Taman Mengkuang Indah (Permatang Pauh), Taman Jernih (Bukit Mertajam), Taman Bukit Minyak Indah (Batu Kawan) dan Taman Sungai Duri Permai (Nibong Tebal).

"(Penganjuran pertandingan) kita bermula daripada kecil, tetapi sasaran kita sangat besar, seperti Pertandingan Sekolah Hijau disertai 35 sekolah sahaja semasa mula dianjurkan dan kini sudah disertai 105 sekolah rendah dan menengah," jelas beliau.

Maimunah memberitahu, pertandingan tersebut ke arah sasaran MPSP meminimumkan kekerapan kutipan sisa pepejal di kawasan kediaman pada dua kali seminggu seperti di kebanyakan bandar pintar peringkat dunia.

Dalam perkembangan lain, Maimunah turut mengulas mengenai komitmen Kerajaan Negeri mempertimbang cadangan mewujudkan satu undang-undang kecil berupa enakmen susulan syor Kerajaan Pusat untuk melaksanakan pemisahan berwajib sisa pepejal secara berperingkat mulai bulan September tahun depan.

"Kita di Pulau Pinang sejak tahun lepas lagi sudah menjurus ke arah itu, tetapi pengasingan berwajib sisa pepejal ini memang boleh buat dengan kerjasama penduduk," seru Maimunah.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sungai Duri Permai, Mohamad Amir Osman, 36, berkata, jawatankuasanya akan berbincang mengenai cabaran dinyatakan Maimunah untuk memungut sisa pepejal dua kali seminggu sahaja di sini.



MANSOR Othman (dua dari kiri) menjulang tangan Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sungai Duri Permai, Mohamad Hassan Osman (dua dari kanan) yang menjuarai Pertandingan Taman Bersih MPSP 2014 sambil diiringi Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali) pada majlis penyampaian hadiahnya di sini baru-baru ini.

"Memang komuniti ini sejak taman ini diwujudkan (tahun 2012), aspek kebersihan diutamakan secara bersama... kita cubalah sahut cabaran YDP MPSP itu," jelas beliau.



# Lulus permit lewat jejas promosi hartanah P. Pinang - REHDA

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SUNGAI PINANG –** Amalan Putrajaya melambat-lambatkan kelulusan lesen pemaju dan permit iklan (DLAP) di Pulau Pinang dikatakan salah satu punca lebih 30 pemaju lewat memasarkan hartanah masing-masing belakangan ini.

Pengerusi Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan berkata demikian semasa berkongsi analisis mengenai Bajet 2015 yang baru diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.

"Kami tidak pasti mengapa ada kelewatan dalam kelulusan (DLAP) yang biasa mengambil masa dalam dua minggu, selepas satu-satu permohonan dikemukakan kepada Kementerian (Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT).

"Kami difahamkan (kelewatan meluluskan DLAP) ini dilakukan kepada pemaju projek di negeri ini sahaja.

"Sebahagian pemaju yang turut aktif di negeri-negeri lain ada memberitahu kami bahawa hanya DLAP untuk projek di Pulau Pinang sahaja tertangguh," ujarnya kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Dalam satu sesi interaksi dengan pihak berwajib terdahulu, katanya lagi, REHDA Pulau Pinang pernah diberitahu bahawa permohonan DLAP di negeri ini dikategorikan 'kes-kes khas'.

Implikasinya, beliau menjelaskan, kos pengurusan projek akan meningkat hingga mengekang proses mempromosi hartanah melalui majlis pelancaran, iklan serta kutipan wang tempahan berwajib.

"Setelah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pembelian tanah, pinjaman bank, caj pembangunan sebelum pelancaran projek, kelewatan kelulusan DLAP ini telahpun menambah lagi kos mereka (pemaju)," kata Jerry.

Difahamkan, penjualan unit hartanah bergantung pada DLAP yang dipohon pemaju susulan mendapat semua kelulusan di peringkat negeri.

Itu, tambah Jerry, belum mengambil kira rancangan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dijadualkan mulai pertengahan tahun depan.

"Dijangkakan, kos pemajuan meningkat lima peratus, paling dikhuatiri terburuk (apabila) kos ini meningkat hingga 15 peratus," jelasnya.

Selain itu, Jerry turut mengesyorkan Kerajaan Negeri supaya mengkaji semula beberapa amalan pemajuan, seperti penjualan tanah pada nilai harga tertinggi, fi berwajib seperti sumbangan pembangunan, bayaran kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) serta utiliti yang dikatakan turut menyumbang pada peningkatan kos pengurusan projek.

"REHDA merayu kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan (serta) agensi kerajaan supaya memahami cabaran didepani industri (pemajuan hartanah), dengan ketidaktentuan ekonomi di samping peningkatan kos pembinaan serta (fi) pematuhan.

"Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memahami komitmen kami dalam memajukan hartanah, terutama perumahan berkualiti di bawah harga (siling yang digariskan) oleh Kementerian," seru Jerry.



JERRY Chan.

# Usahawan jangan hanya tumpu produk makanan & minuman - TKMI

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyeru para dan bakal usahawan supaya tidak hanya menumpukan bidang perusahaan makanan dan minuman semata-mata.

Ini kerana, katanya, sektor keusahawanan kini adalah begitu meluas meliputi sektor informasi dan teknologi komunikasi (ICT), perkhidmatan baikpulih barangan elektrik elektronik, bidang pembelajaran dan sebagainya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Karnival Usahawan ICT dan Koperasi Daerah Barat Daya yang diadakan di *Subterranean Penang International Convention Centre and Exhibition* (SPICE) di sini baru-baru ini.

Karnival yang memperoleh kerjasama Persatuan Pengusaha ICT Malaysia (PIKOM) berjaya menampilkan 34 pengusaha dari pelbagai latar belakang termasuk badan-badan kerajaan.

Sebagai penghargaan, seramai 12 usahawan kecil turut menerima sumbangan kelengkapan berniaga dari Pejabat Daerah dan Tanah Dearah Barat Daya (PDTBD) seperti mesin pengadun, mesin jahit, periuk, mesin proses air tebu dan lain-lain sebagai pendorong menaiktaraf perniagaan masing-masing.

Beberapa acara menarik seperti permainan video dan cabutan bertuah turut diadakan.

Mengulas lanjut berhubung penganjuran berkaitan, Mohd. Rashid memberitahu bahawa terdapat kepelbagaian bidang keusahawanan diceburi pengusaha-pengusaha kini terutamanya ICT, perkhidmatan baikpulih dan selenggara.




**MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berbaju batik biru) bersama-sama para penerima sumbangan dan pengunjung cilik menunjukkan tanda bagus bersempena penganjuran Karnival Usahawan ICT dan Koperasi Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**

# FGT 2015 pelawa proposal rakyat Malaysia

**GEORGE TOWN –** Rakyat Malaysia dipelawa menghantar kertas atau proposal cadangan bagi menyemarakkan penganjuran acara tahunan, Festival George Town 2015 (FGT) yang bakal berlangsung sepanjang bulan Ogos kelak.



JOE Sidek.

Pengarah FGT, Joe Sidek berkata, tidak seperti tahun-tahun sebelum ini, FGT tidak menetapkan sebarang tema, sebaliknya, mencari program yang menginspirasi dan diinspirasikan oleh bandar George Town.

"Ini adalah selaras dengan ciri George Town yang unik dan penuh budaya, malah, juga mencerminkan suara kebebasan Pulau Pinang yang kaya dengan legasi artistik seni.

"Saya mencari kertas cadangan lain daripada yang lain, asli, dan bersesuaian dengan festival," ujarnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempengerusikan majlis berkaitan.

Joe menjelaskan, tarikh tutup penghantaran kertas dan proposal cadangan adalah pada 15 Februari 2015.

"Contoh kertas cadangan boleh dimuat turun melalui laman sesawang, *www.georgetownfestival.com* atau hubungi, **04 – 261 6308** atau ke pejabat, Joe Sidek Production Sdn. Bhd. Tingkat 1, 86, Lebuh Armenian 10200 George Town, Pulau Pinang.

# Karnival Pengguna sasar golongan belia peka hak konsumer

Teks & Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH** – Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kasim mengadakan satu sesi lawatan mesra bersempena penganjuran Karnival Pengguna 2014 di Juru di sini baru-baru ini.

Abdul Malik ketika ditemui memberitahu, karnival seumpama tersebut merupakan acara tahunan yang dianjurkan di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna Negeri Pulau Pinang bagi mendidik masyarakat di negeri ini.

"Objektifnya adalah untuk memberi kesedaran dan melindungi hak-hak pengguna dalam kalangan masyarakat terutamanya di Pulau Pinang.

"Orang ramai boleh memanfaatkan informasi kepenggunaan terkini daripada agensi yang terlibat demi melindungi hak masing-masing," katanya pada sesi lawatan ke Karnival Pengguna 2014 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Ong Chin Wen.

Beberapa peniaga tempatan dan agensi kerajaan seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), *Penang International Halal Hub* (PIHH) dan Bahagian Penguatkuasaan Farmasi Negeri Pulau Pinang turut menjayakan karnival tersebut.

Turut diadakan, pameran motor skuter, pertandingan muay thai dan persembahan lawak pengguna daripada kumpulan Mamu Maharaja Lawak Mega.

Menurut Abdul Malik yang juga ADUN Batu Maung, karnival bertemakan 'Pengguna Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat' tersebut memberi fokus utama terhadap belia di negeri ini.

"Ini adalah kerana golongan belia telah dikenalpasti sebagai kelompok terbesar dalam masyarakat.

"Sasaran kita (Kerajaan Negeri) adalah supaya informasi hak kepenggunaan sampai kepada kelompok ini dan sekaligus mereka dapat memberi penerangan kepada keluarga dan kenalan masing-masing," ujar beliau.



ABDUL Malik Abul Kassim (duduk) menjalankan pemeriksaan kesihatan sambil diperhatikan Ong Chin Wen (berdiri, dua dari kiri) pada penganjuran Karnival Pengguna 2014 di sini baru-baru ini.

# Kerajaan Negeri PR adalah untuk semua - Exco



KANAK-kanak yang mengambil bahagian dalam Program Khatan Beramai-ramai PPR Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin dimandikan sebelum menjalani proses khatan di sini baru-baru ini.

Gambar: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow tidak lokek untuk menderma sejumlah RM3,150 bagi menjayakan Program Khatan Beramai-ramai yang diadakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Manggis, Jalan Zainal Abidin di sini baru-baru ini.

Perkara tersebut dinyatakan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Pasar, Zainul Hafiz ketika diminta mengulas mengenai pelaksanaan program berkenaan.

"Kita amat berbesar hati dengan kehadiran YB Chow (Kon Yeow) hari ini, sungguhpun program ini diadakan dengan agak tergesa-gesa, namun beliau sudi menghulurkan bantuan dari segi kewangan untuk menjayakannya," ujar beliau.

Majlis tersebut membabitkan 30 kanak-kanak yang menjalankan tuntutan agama Islam sebagai langkah ke alam awal remaja.



BEBERAPA kanak-kanak yang baru dikhatankan berehat sebelum dibenarkan pulang.

Menurut Kon Yeow, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang efisien, sudah pasti pihak berkaitan akan sedaya-upaya cuba membantu rakyat yang memerlukan.

"Malangnya, akan ada pihak tertentu cuba menidakkan usaha Kerajaan Negeri dengan menabur fitnah demi kelangsungan politik. Tindakan ini merupakan suatu perkara negatif kerana Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) adalah untuk semua," ulas beliau yang juga Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir.



AKSI 24 kanak-kanak ketika 'dimandikan' di perkarangan Masjid Negeri bersempena Majlis Khatan Perdana di sini baru-baru ini.

# Kemuka bukti, bukan hanya cakap kosong - Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, mencabar Ketua Bahagian UMNO Permatang Pauh supaya menyerahkan senarai nama penerima projek-projek tanah konsesi Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan pengagihan projek-projek Kerajaan Pusat.

Beliau berkata demikian ekoran kenyataan Ketua Bahagian UMNO Permatang Pauh, Datuk Mohd. Zaidi Mohd. Said pada Majlis Perhimpunan Agung UMNO 2014 November lalu yang berbunyi, "Kalau kita bersekongkol, bersubahat, maka kita selamanya akan dihina, oleh kerana sikap pegawai-pegawai penguatkuasa kita".

"Kalau beliau (Mohd. Zaidi) ada bukti, kita (Kerajaan Negeri) minta beliau kemukakan dan bukan hanya bercakap kosong. Kita (Kerajaan Negeri) tidak takut, bahkan kita (Kerajaan Negeri) akan benarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk masuk dan siasat.

"Selain itu, saya juga hendak bertanya di mana tabung khas untuk pembangunan Melayu dan Bumiputera yang pernah diumum sebelum ini oleh Kerajaan Pusat?" soalnya ketika merasmikan Majlis Khatan Perdana anjuran Masjid Negeri Pulau Pinang, Hospital Pulau Pinang (HPP) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Jalan Perak di sini baru-baru ini.

Majlis Khatan Perdana yang julung kali diadakan di Masjid Negeri membabitkan 24 kanak-kanak. Majlis dimulakan dengan penyampaian kain pelikat kepada semua peserta sebelum para peserta dimandikan pihak Bomba dan Penyelamat.

Hadir sama, Imam Besar Masjid Negeri, Ustaz Salahuddin Ghazali.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut mengaitkan isu penjualan tanah orang Melayu di Kampung Terang, Balik Pulau yang turut melibatkan kepimpinan tertinggi parti berkenaan sebagai orang tengah (broker).

"Selain itu, saya juga ingin mencabar UMNO negeri Pulau Pinang menyatakan pendirian mereka dengan lebih jelas tentang status Pengkalan Tentera Udara di-Raja Malaysia (TUDM) Teluk Air Tawar, Seberang Perai Utara (SPU).

"Adakah mereka berani menyatakan kepada Kerajaan Pusat supaya tidak menjual tanah ini?" tegas beliau.

**Ucapan Zairil Khir Johari semasa Perbahasan RUU Perbekalan 2015 di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan.**

# 1BestariNet bakal menjadi gajah putih yang paling besar

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute.**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

Tuan pengerusi,

**SELAMA** lebih setahun saya membangkitkan pelbagai kebimbangan mengenai projek 1BestariNet yang melibatkan pemasangan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G merentasi semua 10,000 sekolah di seluruh negara, serta penyediaan pelantar pembelajaran maya (VLE) ataupun Virtual Learning Environment.

Pada saya, projek ini terlalu bercita-cita tinggi. Sungguhpun saya tidak membantah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah, saya sentiasa mempersoalkan kebijaksanaan pelaksanaan projek yang bernilai RM4.1 bilion sepanjang tempoh 15 tahun ini. Kebimbangan saya telah pun terbukti benar dengan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini.

Siri ketiga Laporan Ketua Audit Negara 2013 menunjukkan bahawa 8,807 sekolah sudah dilengkapi dengan sistem VLE. Namun demikian, statistik pendaftaran masuk ataupun login bagi bulan Mac 2014 adalah antara 0.01 hingga 4.96 peratus. Malah, penggunaan sistem tersebut dalam kalangan murid adalah lagi teruk, iaitu daripada 0.17 hingga 0.64 peratus, iaitu kurang daripada satu peratus. Statistik ini sangat menrunsingkan, memandangkan RM663 juta sudah pun dibelanjakan sejak tahun 2012.

Kadar penggunaan yang amat rendah di sebalik pelaburan yang begitu besar adalah disebabkan beberapa faktor seperti kelemahan infrastruktur sedia ada, sambungan jalur lebar yang lembap, liputan Internet tanpa wayar yang tidak mencukupi, masalah ketercapaian kepada sistem, kekurangan perkakas sokongan seperti komputer riba dan projektor, serta ketiadaan pemantauan dan garis panduan yang jelas bagi penggunaan VLE.

Jelas, pelaksanaan 1BestariNet secara sekaligus di 10,000 sekolah di serata negara merupakan tindakan yang tidak wajar. Dengan kadar penggunaan yang begitu rendah setelah dua tahun setengah dijalankan, adakah Kementerian akan mengakui bahawa projek ini bakal menjadi gajah putih yang paling besar dalam sejarah pendidikan Malaysia?

Kementerian juga perlu menjelaskan sama ada terdapat rancangan sandaran (backup plan) sekiranya penggunaan sistem ini gagal ditingkatkan dalam masa terdekat. Adakah Kementerian akan meneruskan kontrak berbilion ringgit ini ataupun menghentikannya?

**Penyelewengan kontrak 1BestariNet**

Tuan pengerusi,

Menurut Laporan Ketua Audit Negara juga, wujud penyelewengan pelaksanaan 1BestariNet oleh kontraktor YTL Communications Sdn Bhd. Antara penyelewengan yang berlaku ini termasuk ketidakpatuhan kepada syarat-syarat kontrak, kekurangan pengurusan nilai (value management), kelewatan dalam pemasangan infrastruktur serta liputan yang tidak mencukupi.

YTL telah diberi masa sehingga 30 Mac 2013 untuk memasang Internet jalur lebar 4G di semua 10,000 sekolah. Walau bagaimanapun, menjelang tarikh akhir itu, hanya 6,092 sekolah bersamaan 59.3 peratus telah disambungkan. Setahun kemudian, hanya 88.9 peratus telah selesai, dengan baki kira-kira seribu lebih sekolah yang masih menunggu. Hasil daripada kelewatan ini, YTL telah didenda RM2.4 juta oleh Kementerian Pendidikan.

Penyelewengan lain yang didapati dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk kegagalan kontraktor untuk mendapatkan kelulusan teknikal daripada MAMPU dan Kementerian, serta kegagalan untuk menjalankan Penilaian Keperluan Sekolah sebelum pemasangan infrastruktur. Akibatnya, 58 peratus daripada 501 sekolah yang diselidik melaporkan bahawa sistem 1BestariNet yang dipasang tidak meliputi keseluruhan kawasan sekolah, walaupun ia merupakan syarat wajib dalam kontrak antara Kementerian dan YTL.

Di samping itu, Laporan Ketua Audit Negara juga menunjukkan bahawa kelajuan jalur lebar yang disediakan rata-rata kurang memuaskan dan jauh lebih rendah daripada syarat kontrak yang menetapkan kelajuan daripada 4Mbps sehingga 20Mbps.

Oleh yang demikian, selain daripada denda RM2.4 juta yang dikenakan ke atas YTL kerana kelewatan pemasangan infrakstruktur 1BestariNet, apakah tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi penyelewengan kontrak yang disebutkan tadi?

**1BRIS: keuntungan untuk kroni semata-mata?**

Tuan pengerusi,

Lebih teruk lagi, Laporan Ketua Audit Negara juga mendedahkan beberapa kelemahan kontrak yang bukan sahaja merugikan Kerajaan, tetapi membawa keuntungan besar kepada YTL. Salah satu contoh yang jelas adalah pemasangan menara pemancar 1BestariNet Receiver Integrated System, atau 1BRIS, yang dipasang di premis sekolah untuk menerima dan menyampaikan isyarat tanpa wayar.

Menurut penemuan audit, Kementerian telah mendapatkan input daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) berkenaan dengan kadar sewa yang sesuai untuk penggunaan premis sekolah sebagai tapak 1BRIS. Justeru, JPPH telah mengesyorkan sewa bulanan sebanyak RM1,200 bagi setiap tapak.

Walau bagaimanapun, YTL enggan membayar jumlah ini, sebaliknya menyatakan bahawa syarat-syarat kontrak membenarkan mereka untuk memasang menara pemancar secara percuma. Pun begitu, Kementerian telah memutuskan untuk mengenakan sewa token sebanyak RM1,000 setahun bagi setiap tapak 1BRIS.

Namun demikian, RM1,000 setahun adalah jauh berbeza dengan syor JPPH, iaitu RM1,200 sebulan. Malah, Laporan Ketua Audit Negara menyatakan kadar RM1,000 setahun adalah "tidak munasabah." Dengan sebanyak 3,203 menara pemancar 1BRIS yang dipasang di seluruh negara, pendapatan sewa pada harga RM1,200 sebulan adalah RM46.12 juta setahun. Malangnya, YTL hanya perlu membayar RM3.2 juta setahun. Ini bersamaan dengan kerugian pendapatan sebanyak RM42.92 juta setahun bagi Kementerian.

Selain itu, Laporan Ketua Audit Negara juga mendapati bahawa berdasarkan kontrak yang dipersetujui antara Kementerian dan YTL, semua caj utiliti yang berkaitan dengan 1BestariNet termasuk menara pemancar 1BRIS terpaksa ditanggung oleh Kerajaan sepanjang tempoh kontrak, sementara kontraktor hanya bertanggungjawab untuk kos yang berkaitan dengan pemasangan, penyelenggaraan dan pengurusan 1BRIS.

Ini adalah suatu kecuaian yang serius dalam perjanjian kontrak. Malah, pihak Kementerian dalam jawapannya kepada Pejabat Ketua Audit Negara telah mengakui bahawa pemasangan menara pemancar 1BRIS telah meningkatkan kos elektrik sekolah sebanyak RM150 hingga RM180 sebulan. Jika digandakan dengan 3,203 tapak 1BRIS di seluruh negara, jumlah peningkatan caj elektrik adalah antara RM5.77 juta hingga RM6.92 juta setahun. Keadaan ini langsung tidak masuk akal, kerana Kerajaan merupakan pelanggan perkhidmatan YTL dan tidak seharusnya dibebani dengan caj utiliti yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada kos operasi kontraktor.



ZAIRIL Khir Johari cuba menggunting rambut salah seorang warga emas sebagai gimik Program Potong Rambut Percuma di Padang Tembak anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri Kebun Bunga.

Akibat kelemahan dalam kontrak 1BestariNet yang jelas berat sebelah, YTL akan memperolehi keuntungan atas angin hampir RM50 juta setahun, ataupun RM750 juta sepanjang tempoh 15 tahun projek 1BestariNet. Dalam konteks ini, denda RM2.4 juta yang dikenakan ke atas YTL sebenarnya tidak bermakna langsung berbanding ratusan juta ringgit keuntungan yang bakal diperolehi YTL akibat kelemahan kontrak serta pendapatan daripada penggunaan komersil menara pemancar 1BRIS, di samping apa-apa keuntungan daripada projek tersebut.

Hanya ada dua penjelasan bagi kontrak yang amat berat sebelah ini. Sama ada Kerajaan berlaku cuai kerana bersetuju dengan perjanjian yang penuh kelemahan ini, ataupun perjanjian ini sengaja dibentuk sedemikian rupa untuk menguntungkan syarikat kroni. Walau apa pun jawapannya, Kementerian harus bertanggungjawab dan menjelaskan kepada rakyat bagaimana kerugian ini akan diatasi.

**Mengapa peruntukan untuk pembangunan guru dikurangkan?**

Tuan pengerusi,

Saya ingin menyentuh mengenai latihan guru pula. Umum bersetuju bahawa faktor paling penting dalam pembangunan murid adalah kualiti tenaga pengajar, yakni guru. Malah pelbagai kajian menunjukkan bahawa kualiti guru adalah lebih penting berbanding faktor-faktor lain seperti infrastruktur sekolah atau bahan pembelajaran.

Perkara ini juga benar dalam penggunaan VLE. Misalnya, di United Kingdom, badan rasmi pemantauan sekolah iaitu Office for Standards in Education, Children's Services and Skills (Ofsted) telah membuat kesimpulan yang sama dalam satu laporan 2009 bertajuk "Virtual learning environments: an evaluation of their development in a sample of educational settings."

Dalam laporan tersebut, didapati bahawa sekolah hanya berjaya menunjukkan kemajuan dalam penggunaan VLE apabila guru dapat menggunakan sistem e-pembelajaran itu dengan efektif dan penuh motivasi. Sebaliknya, apabila guru tidak dapat memaksimumkan potensi sistem ini, murid tidak mendapat sebarang faedah. Dalam erti kata lain, kejayaan atau kegagalan sistem VLE adalah amat bergantung kepada keyakinan dan kreativiti guru dalam menghasilkan bahan untuk murid mereka.

Malangnya, Kementerian Pendidikan seolah-olah gagal untuk memahami perkara penting ini. Daripada Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, saya mendapati bahawa jumlah peruntukan untuk "pembangunan profesionalisme" guru telah dikurangkan daripada RM1.54 bilion tahun ini kepada RM961 juta pada tahun 2015. Ini bersamaan dengan pengurangan besar sebanyak kira-kira RM600 juta.

Apabila dirungkaikan, peruntukan untuk "pembangunan profesionalisme" ini dibahagikan kepada tiga kategori, di mana peruntukan ketiga-tiga juga dipotong. Bagi "latihan pra-perkhidmatan," peruntukan telah dikurangkan daripada RM948 juta pada tahun 2014 kepada RM851 juta pada tahun hadapan. Sementara itu, "latihan kepimpinan" dipotong daripada RM181 juta kepada RM62 juta. Penurunan yang paling mendadak pula adalah dalam "latihan dalam perkhidmatan," yang hanya mendapat RM48 juta pada tahun hadapan berbanding RM410 juta sebelumnya.

Pemotongan peruntukan pembangunan guru yang drastik ini adalah mengejutkan, khususnya memandangkan peruntukan Kementerian Pendidikan secara keseluruhan melihatkan peningkatan daripada RM54.6 bilion kepada RM56.6 bilion.

Namun demikian, saya memerhatikan bahawa terdapat butiran perbelanjaan baru dalam belanjawan yang dipanggil "transformasi pegawai perkhidmatan pendidikan." Program ini bakal menerima peruntukan sebanyak RM250 juta bagi tahun 2015. Ia tidak jelas sama ada program ini melibatkan latihan guru, tetapi jika benar sekali pun, ia hanya akan membawa jumlah peruntukan untuk pembangunan guru kepada RM1.21 bilion. Jumlah ini masih kurang sebanyak RM350 juta berbanding dengan RM1.54 bilion yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2014.

Sekiranya peruntukan bagi pembangunan guru telah dikurangkan dengan begitu banyak sedangkan jumlah peruntukan bagi Kementerian telah meningkat, ke manakah perginya lebihan peruntukan tersebut?

Menurut anggaran perbelanjaan, dana tambahan sebanyak RM288 juta telah diperuntukkan kepada "pengukuhan operasi pendidikan," kategori yang menerima jumlah peruntukan sebanyak RM897 juta berbanding RM609 juta dahulu. Daripada jumlah ini, RM615 juta diperuntukkan untuk "teknologi maklumat," iaitu peningkatan besar sebanyak RM200 juta.

Kementerian perlu menjelaskan perkara ini dengan serta-merta. Jika benar Kerajaan bercadang untuk mengorbankan pembangunan guru demi membolehkan lebih banyak pelaburan dalam teknologi maklumat, maka mereka jelas hilang arah. Sebagaimana contoh di UK telah membuktikan, hasil pembelajaran tidak akan dipertingkatkan dengan teknologi yang terbaik sekiranya guru tidak bermotivasi dan berkeupayaan.

Oleh itu, saya percaya lebih memanfaatkan sekiranya peruntukan itu disalurkan kepada pembangunan modal insan tenaga pengajar dan bukannya kepada teknologi semata-mata.

Sekian, terima kasih.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PAS PENANG HQ** | (T) 04 - 575 5584 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| **SUNGAI DUA**<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| **BAYAN LEPAS** | |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : 011-1060 8823 | - Shukri |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : 019 - 556 4664 | - R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | : 013 - 595 6865 | - Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | : 013 - 598 1435 | - Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 010 - 929 6603 | - Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | - Varinder<br>- Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963 | - Toon Hoon Lee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 205 1185<br>: 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Frankie Kee<br>- Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : 016 - 599 2918 | - Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | : 012 - 422 4935 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017-413 5695 | - Johan Abu Bakar |

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2014**

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Mohd Shaipol Ismail (DAP) | 012 - 552 4791 |
| Chandrasekeran a/l S. Maniam (DAP) chanderasekeran@mpsp.gov.my | 012 - 5619870 |
| Loh Joo Huat (DAP) jhloh@mpsp.gov.my | 012 - 422 1133 |
| Tan Chong Hee (DAP) | 019 - 411 5598 |
| Tan Chee Teong (DAP) | 012 - 401 7718 |
| Michael Tan Cheong Heng (DAP) | 012 - 487 3101 |
| P. David Marshel (DAP) | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye (DAP) | 012 - 425 2602 |
| M.Satees (DAP) | 016 - 438 4767 |
| Chong Pei Pei (DAP) | 012 - 476 7729 |
| Ong Eu Leong (PKR) | 010 - 770 0508 |
| Rezal Huzairi Md Zaki (PKR) | 017 - 409 7702 |
| Abdul Jalil Che Ros (PKR) | 013 - 489 3227 |
| Shafiqah Shobha Abdullah (PKR) | 016 - 496 1659 |
| Rajasegar a/l Govindasamy (PKR) | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim (PKR) | 018 - 576 1622 |
| Zulkiefly Saad (PKR) | 013 - 436 2848 |
| Mohd Rizal Abd Hamid (PKR) | 012 - 424 3878 |
| Ho Leng Hong (PKR) | 017 - 487 2767 |
| Omar Hassan (PAS) | 019 - 571 8031 |
| Ahmad Kaswan Kassim (PAS) ahmadkaswan@mpsp.gov.my | 019 - 408 4899 |
| Wong Chee Keet (NGO) | 012 - 451 1312 |
| Dr. Tiun Ling Ta (NGO) lttiun@mpsp.gov.my | 04-508 0039 (Tel) 04-657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah (NGO) | 013 - 414 4822 |

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPPP 2014**

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Tan Hooi Peng (DAP) | 012 - 498 6212 |
| Harvindar a/l Darshan Singh (DAP) | 012 - 428 2250 |
| Ong Ah Teong (DAP) | 012 - 410 6566 |
| Tay Leong Seng (DAP) | 019 - 321 9392 |
| Gooi Seong Kin (DAP) | 016 - 457 1271 |
| Sukumar a/l Subramaniam (DAP) | 019 - 442 2113 |
| Joseph Ng Soon Siang (DAP) | 012 - 423 9143 |
| Tan Kim Hooi (DAP) | 016 - 438 7855 |
| Lee Chun Kit (DAP) | 012 - 519 2152 |
| Mohd Hariszuan Jaharudin (DAP) | 013 - 379 6019 |
| Francis a/l Joseph (PKR) | 012 - 474 3321 |
| Muhammad Sabri Md. Osman (PKR) | 013 - 432 0207 |
| Ahmad Azrizal Tahir (PKR) | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam (PKR) | 014 - 945 9621 |
| Tan Chiew Choon (PKR) | 019 - 470 4499 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PKR) | 019 - 470 8811 |
| Lim Boon Beng (PKR) | 012 - 564 4400 |
| Nur Zarina Zakaria (PKR) | 011 - 1578 5098 |
| Iszuree Ibrahim (PAS) | 016 - 443 3205 |
| Mhd Nasir Yahya (PAS) | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui(NGO) | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat (NGO) | 016 - 414 3428 |
| Mohd Foaz Hamid (NGO) | 016 - 422 2225 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Dis. 2014











AKSI salah sebuah pasukan wanita sebelum berentap dalam Kejohanan Pesta Dragon Boat Pulau Pinang 2014.



SEKUMPULAN peserta program *Walk For Life Walkathon* memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara.



BARISAN penari Thailand yang menyambut kedatangan para jemputan pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Jadi Ke-87 Raja Thailand.







KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus ketika menggunakan sebahagian laluan basikal dedikasi dan Jambatan Basikal Sungai Pinang pada majlis pelancarannya.




EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (depan, dua dari kiri) bersama-sama ADUN-ADUN lain di Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah.




AKSI berani dua badut yang membiarkan diri masing-masing dililit ular pada penganjuran *Penang Busker Festival 2014.*




TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kiri) berjabat tangan dengan pemain aksi ular bersempena penganjuran Fiesta Santai Rakyat & Koperasi Daerah Seberang Perai Selatan.



PERSEMBAHAN unik dan bertenaga yang dipersembahkan pada malam Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang 2014.

# Pulau Pinang jingga sebulan untuk hentikan keganasan terhadap wanita

Oleh : **SHARON W.H. LING,**
**Pegawai Komunikasi dan Advokasi, PWDC**

**DARI** bulan November hingga Disember 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menjalankan kempen aktivisme peringkat negeri *"Penang Goes Orange 2014"* dalam solidariti dengan kempen global 16 Hari Aktivisme Menentang Keganasan Berasaskan Gender..

Tema *'Penang Goes Orange'* telah diilhamkan daripada seruan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjadikan setiap 25 haribulan sebagai 'Hari Jingga', iaitu sehari untuk meningkatkan kesedaran mengenai Keganasan Terhadap Wanita.

*Penang Goes Orange 2014* telah disokong oleh rakan kongsi kempen iaitu Pusat Kesedaran Wanita *(Women's Centre for Change)*, Dewan Bandaran Cina Pulau Pinang *(Penang Chinese Town Hall)*, Perikatan Tindakan Penyusuan Susu Ibu Sedunia *(World Alliance for Breastfeeding Action)*, dan Child Rising. Kempen ini juga diusahakan bersama dengan pihak Penyelaras KADUN, pusat-pusat khidmat ADUN, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sepanjang 3 minggu, aktiviti-aktiviti seperti forum, dialog dan bengkel telah diadakan di seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai. Secara keseluruhan, kempen ini telah berjaya mendekati penduduk dari pelbagai kaum etnik dan dari semua daerah.

Antara acara tarikan termasuk forum tentang VAW (dalam Bahasa Cina) di Dewan Bandaran Cina Pulau Pinang pada 23hb November, bengkel komuniti tentang VAW (dalam Bahasa Tamil) di Tambun Garden Restaurant, Batu Kawan pada 23hb November, sesi bercerita bertajuk 'VOICES: Realiti Wanita' (dalam Bahasa Inggeris) di Festival Sastera George Town pada 28hb November, dan bengkel 'SCAN: Hentikan Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak' (dalam Bahasa Melayu) di Flat Kampung Melayu, Air Itam pada 29hb November.

Kempen ini juga menekankan fakta tentang VAW seperti anggaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa 1 dalam 3 wanita akan dipukul, dirogol, atau didera oleh pasangan intim semasa hayatnya. Menurut statistik dari 2000 hingga 2010, sebanyak 35,684 kes keganasan rumah tangga, 25,363 kes rogol dan 19,465 kes pencabulan kehormatan telah dilaporkan di Malaysia.

Kempen ini telah mencapai kemuncak dengan majlis penutup pada 11hb Disember yang telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Lim Guan Eng. Turut hadir pada majlis penutup adalah EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Chong Eng. Lim Guan Eng dan Chong Eng turut menyampaikan sijil penghargaan kepada rakan kongsi dan sukarelawan *Penang Goes Orange 2014*.



**KETUA Menteri dan Chong Eng menyampaikan sijil penghargaan kepada rakan kongsi *Penang Goes Orange 2014.***




**MAJLIS Penutupan Kempen *Penang Goes Orange .***

## GRPB menghidupkan semangat demokrasi di Kampung Sungai Chenaam

Oleh: **SHARON W.H. LING,**
**Pegawai Komunikasi dan Advokasi, PWDC**

**PADA** 6 dan 7 Disember, penduduk Kampung Sg. Chenaam di Nibong Tebal telah datang untuk mengundi sebagai sebahagian daripada projek Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC). Golongan wanita, lelaki, kanak-kanak perempuan dan kanak-kanak lelaki dari semua peringkat umur telah berbaris untuk memasukkan kertas undi mereka ke dalam peti, menandakan satu detik penting bagi proses setahun yang bertujuan memberi kuasa kepada penduduk untuk menyuarakan keperluan mereka kepada kerajaan tempatan.

Hari Mengundi merupakan Fasa 3 daripada model empat langkah GRPB yang dipraktikkan di Kampung Sg. Chenaam, dan terbuka kepada semua penduduk yang berumur 10 tahun ke atas. Keputusan proses pengundian dua hari melihat cadangan 'Gelanggang Futsal' meraih jumlah undi tertinggi, diikuti dengan 'Keselamatan', 'Kebersihan', 'Taman Rekreasi' dan akhir sekali 'Program Kesedaran Penduduk.'



**PENDUDUK beratur untuk membuang undi.**



**PENDUDUK dan tetamu santai sambil menikmati aktiviti-aktiviti karnival.**

Proses GRPB bermula pada bulan April 2014 dengan Fasa 1, yang terdiri daripada banci demografi bagi 221 daripada 310 isi rumah yang dijalankan dengan bantuan Zakat Pulau Pinang. Fasa Dua, yang bermula pada pertengahan Ogos 2014, menyaksikan Kumpulan Tumpu Bincang dengan penduduk yang dikategorikan mengikut jantina dan umur (Lelaki / Wanita / Warga Tua / Orang Kurang Upaya). Dari perbincangan Kumpulan Tumpu Bincang, keperluaan utama komuniti telah dikenal pasti dan dibawa ke Fasa 3 untuk proses undian.

Selepas Fasa 3 atau Hari Mengundi, maka fasa yang keempat dan terakhir akan melihat keputusan pengundian dan pilihan utama penduduk yang akan disampaikan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk perancangan bajet dan perbincangan selanjutnya. Satu Dialog Bajet susulan antara MPSP dan penduduk telah dijadualkan pada awal 2015.

Hujung minggu tersebut juga menyaksikan 'Karnival Kampung Sungai Chenaam' dianjurkan bersama Hari Mengundi. Aktiviti-aktiviti karnival termasuk pertandingan futsal lelaki, pertandingan badminton wanita, sukaneka keluarga, cabutan bertuah, persembahan silat, dan wayang pacak. Karnival ini telah dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), pejabat Ahli Parlimen Nibong Tebal (YB Dato 'Mansor bin Hj Othman), pusat khidmat Penyelaras KADUN Sungai Acheh, dan JKKK Kampung Sungai Chenaam.

Dengan model GRPB yang bersifat partisipatori, komuniti seperti Kampung Sungai Chenaam berubah daripada hanya menjadi penerima pasif perkhidmatan awam untuk menjadi agen perubahan aktif dan rakan kongsi dalam pembangunan masyarakat. GRPB, pada dasarnya, menghidupkan semangat demokrasi dengan memberi kuasa kepada penduduk untuk menyuarakan keperluan dan kemahuan mereka terus kepada pihak kerajaan.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 6682
Peminjam : NAZIRAH BT ISMAIL - 78112907****
4861 KAMPUNG TEPI LAUT, PASIR GEBU
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : AHMAD NAIM BIN ISMAIL - A2159***
NO. 6316 , 13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : A ZAMAH BINTI DIN - 7477***
NO. 6316 , 13100 PENAGA,
SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 6693
Peminjam : GAN HOCK LEONG - 75031307****
10 LORONG SERI TAMBUN 4,
TAMAN TAMBUN EMAS
14100 SIMPANG EMPAT, SPU
Penjamin 1 : GAN EAN LING - 72022207****
8-14-8 SRI AMAN ,
PERSIARAN PAYA TERUBONG 3,
11700 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : BOH YIT WAN - 72010407****
NO. 10 LORONG SRI TAMBUN 4, TAMAN
TAMBUN EMAS 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 6701
Peminjam : NOR AZLINA BINTI HARUN - 77070407****
NO 10 JALAN ADANG U8/18,
SEKSYEN U8 BUKIT JELUTONG
40150 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : NOR AZLAN BIN HARUN - 70052207****
TBP 1274 JALAN HAJI TAIB KASIM,
KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : ABDULLAH BIN OMAR - 61020707****
1274 JALAN HAJI TAIB KASIM,
KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 6734
Peminjam : RUSLAY BIN ABDULLAH - 58100807****
KAMPUNG LOKBONU PUTATAN, PETI SURAT
11552, 88817 KOTA KINABALU,
SABAH
Penjamin 1 : SHAMSHUL BAHRIN BIN SIDIK - 64030403****
LOT NO. 66 KAMPUNG CHERANG,
JALAN PASIR PUTEH, MACHANG
18500 KELANTAN
Penjamin 2 : MOHD ZARIN BIN SHAMROR - 63091611****
LOT 721 KAMPUNG TERSUSUN SENGAT ,
SIMPANG PULAI, KAMPUNG KEPAYANG
31300 PERAK

No Akaun : 6742
Peminjam : MUHAMMAD FAIZAL BIN OTHMAN -
77090307****
HADAPAN SEK. KEBANGSAAN, PADANG
SANAI, KUALA NERANG 06300 KEDAH
Penjamin 1 : HASSAN BIN SHAFIE - 3934***
4 TAMAN PERMATA, 06400 POKOK SENA ,
ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2 : MOHAMAD RAMRIN BIN AHMAD -
55112002****
16 TAMAN AMAL, BATU 4 1/2,
JALAN LANGGAR, ALOR SETAR 05460 KEDAH

No Akaun : 6751
Peminjam : MOGANAN A/L SUBRAMANIAM -
77110708****
13-B-2 KELANA CENTRAL CONDOMINIUM,
NO. 1 JALAN BAHAGIA, KELANA JAYA
47301 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : GANAESHAN A/L SELLAPAN - 68042702****
NO. 23 LORONG MURNI 8, TAMAN SIMPANG
MURNI 34700 SIMPANG, PERAK
Penjamin 2 : RATHAI A/P MARDZAM MUTHU -
70101802****
143 LORONG 4, TAMAN DESA JANA,
34600 KEMUNTING, PERAK

No Akaun : 6756
Peminjam : CHIN TEIK SENG - 77071407****
2-9-5 JALAN LIMAU MANIS 1,
TAMAN LIMAU MANIS
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHIN SEAH NGOH - 53121007****
2-9-5 JALAN LIMAU MANIS 1,
TAMAN LIMAU MANIS
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : WONG AH KAU - 49080707****
5 LORONG KURAU 25, CHAI LENG PARK
13700 PRAI

No Akaun : 6761
Peminjam : BEA KIA CHUANG - 75090907****
2087 KAMPONG JAWI,
14200 SUNGAI JAWI, SPU
Penjamin 1 : KHOR KHOON KOK - 66040807****
NO. 24 LORONG FAJAR 1, TAMAN FAJAR
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : LOH AH AA - 49030602****
1858 KAMPUNG JAWI, SUNGAI BAKAP
14200 SUNGAI JAWI,
SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 6762
Peminjam : TEOW HUI KIAN - 75081307****
6 SOLOK PAYA TERUBONG ENAM
11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOW LEE SEONG - 3081***
83 PERSIARAN MURNI ,
TAMAN DESA MURNI,
SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LOH WENG CHEONG - 6258***
E13-10 JALAN PADANG TEMBAK
11400 PULAU PINANG

No Akaun : 6776
Peminjam : GEETHA A/P THULASIRAMAN - 77021807****
B-14-12 RUMAH PANGSA KG MELAYU,
AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : THULASI RAMAN A/L GOPAL RAJU -
46041307****
B-14 12 KAMPONG MELAYU FLATS
11500 AYER ITAM , PULAU PINANG
Penjamin 2 : PATHAMANATHAN A/L PITCHAY MUTHU
@ CHELLI - 60121807****
NO. 61 TINGKAT NIBONG 2, BAYAN BARU,
BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG

No Akaun : 6814
Peminjam : TEOH HEE HUA - 74101407****
11 TINGKAT TAMBUN INDAH SATU,
TAMAN TAMBUN INDAH
14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : TEOH CHEW SENG - 7322***
280 JURU VILLAGE 14000 BUKIT MERTAJAM,
SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : TEOH AH BAH - 43081707****
2927 BUKIT TAMBUN
14100 SIMPANG AMPAT,
SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 6818
Peminjam : TAN HOOI BEE - 74120610****
7-11-02 JAY SERIES, GREENLANE HEIGHTS,
JALAN GANGSA 10600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AARON TAN LYN FOONG - 74120610****
7-11-2 JAY SERIES, GREENLANE HEIGHTS,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TANG CHIN TEONG - 55091407****
5685 J BLOK B MAK MANDIN,
13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 6824
Peminjam : TEH LEAN HUAT - 74111407****
H4-21 LORONG HELANG SATU,
SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEAH KHIAN YEONG - 8192***
37 MEDAN SUNGKAI,
10460 PULAU PINANG
Penjamin 2 : POH KIM THYE - 68030302****
864A KG RAJA GON,
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 6834
Peminjam : JUNAIDI BIN ABDUL JALIL - 77100707****
NO. 2 LORONG PENAGA 5, TAMAN PENAGA,
13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD BIN HAMZAH - 53040502****
NO. 5 JALAN SUNGAI ABDUL,
TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NOOR JALILAH BINTI ABDUL JALIL -
74100207****
NO. 2 LORONG PENAGA 5,
TAMAN PENAGA, 13100 PENAGA, SPU

No Akaun : 6846
Peminjam : NURALINA BINTI CHE DIN - 78032107****
3790 MUKIM 20, KUBANG SEMANG
14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUAHAMAD MUHAYADI BIN CHE DIN -
60032907****
3790 MUKIM 20, KUBANG SEMANG,
14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MUHAMAD SHAMSANI BIN CHE DIN -
69042007****
1200 BAGAN DALAM, 12100 BUTTERWORTH

No Akaun : 6848
Peminjam : NOOR LAILI BINTI MOHD YUSOF -
69112907****
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA , UiTM
PULAU PINANG 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHAMAD B MUSTAFA - 69030308****
7-11-C KONDOMINIUM BANDAR BARU
PERDA, JALAN PERDA BARAT
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ABU HASAN BIN TAJUDIN - 54091608****
93 TAMAN PERMAI JAYA,
09300 KUALA KETIL , KEDAH

No Akaun : 6852
Peminjam : ROAZIAN BT HAJI MD NOR - 77050107****
14 SOLOK KAMPUNG JAWA 1,
BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROSLAN BIN SHUAID - 58092908****
31 LORONG PAUH 7, TAMAN PAUH
13500 PERMATANG PAUH,
SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : ROZANA BT HJ MD NOR - 66121107****
6-5-4 VILLA SRI KENANGA, BATU UBAN,
GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 6862
Peminjam : SEE KOK ENG - 74013102****
8A MEDAN ANGSANA 2,
BANDAR BARU AYER ITAM
11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SEONG HWA - 56072707****
1 HALAMAN MACALISTER,
10450 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : K BALA SINGAM - 56061707****
NO. 43 JALAN SS 2/93,
47300 PETALING JAYA, SELANGOR

No Akaun : 6863
Peminjam : MOHD YUSRI BIN GHAZALI - 77051507****
M-2-5 PANGSAPURI TANJONG TOKONG
10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDULLAH HARUN - T1035***
NO. 90 LORONG 6, TMN SUNGAI LALANG,
FASA II, SUNGAI LALANG
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ROKIAH BT IBRAHIM - 53072102****
NO.24 JALAN BELIMBING ,
TAMAN SURIANI 01000 KANGAR, PERLIS

No Akaun : 6864
Peminjam : TAN SONG YOW - 74112307****
57 JALAN PINTU SEPULUH
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : YEONG TUCK WAI - 70060710****
NO. 53 JALAN BM 2/20 SEKSYEN 2,
BANDAR BUKIT MAHKOTA
43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2 : LIM BEE YONG - 7363***
16262 JALAN 19/24 , 46300 PETALING JAYA,
SELANGOR

No Akaun : 6878
Peminjam : THIYAGU A/L DEVARAJAN - 77083007****
2-1-20 PANGSAPURI CEMARA, PINGGIRAN
PUTERA 43000 SRI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : SOUNDARARAJAN S/O KANDASAMY -
52082107****
NO.11 JALAN CENDANA, SUNGAI PUYU ,
13020 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : FAUZIE BIN ABDULLAH @ PORGIE
GUNERATNAM – 42051771****
(MENINGGAL DUNIA)
NO. 5 JALAN SAGA 2, TANMAN SAGA,
KELADI 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 6889
Peminjam : HASNANYWATI BT HASSAN - 77020207****
NO. 2 JALAN KPG AIR PUTIH 2,
TAMAN SEMPURNA, BALIK PULAU
11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOOR AZIZAN BIN ISHAK - 57061771****
C227 LORONG 13 , TAMAN SEJATI INDAH
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : SALBIAH BT ARIFFIN - 62111707****
E 190 JALAN INDAH 6, TAMAN SEJATI INDAH
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 6892
Peminjam : YEOH CHUN LENG - 73020307****
NO. 26 LORONG IDAMAN 1/2,
TAMAN IDAMAN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : YEOH LEE LAR - A0987***
736 MK 11 KEBUN SIREH,
BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : YEOH TANG TEE - A1311***
3 JALAN NURI, TAMAN MAS
14100 SIMPANG AMPAT,
SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 6899
Peminjam : LOH PHAK NIM - 77040507****
124 LEBUH BINJAI 1, TAMAN SRI RAMBAI,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG KIM HAM - 0663***
90 JALAN BINJAI , TAMAN SRI RAMBAI,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LOH HAI CHAI - 0633***
124 LEBUH BINJAI 1, TAMAN SRI RAMBAI
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6907
Peminjam : TAN SAW KIM - 74110807****
19-9-11 TMN SERI SARI,
JLN HILIR PAYA TERUBONG 1, RELAU 11900
BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SAW HEOH – 45080307****
(MENINGGAL DUNIA)
11 JALAN MAS, GREEN LANE,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN GAN SENG - 72121007****
41-C LORONG SEREMBAN,
10150 PULAU PINANG

No Akaun : 6926
Peminjam : HAFILAH BINTI SAID - 67092207****
1622 MUKIM 14, BUKIT MINYAK
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SADLI BIN OTHMAN - RF50***
A52 FLAT FRU, AIR ITAM,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD SUHAIMI BIN ABD HAMID -
66012501****
TBP 3668 MUKIM 14, BUKIT MINYAK
14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6941
Peminjam : SHANMUGA SUNDARAM A/L MURUGASON -
71051507****
NO.3 LORONG MARKISAH 4,
TAMAN MARKISAH 14000 BUKIT MINYAK,
BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MAGESVARI A/P AYYAR - 72050607****
NO.526 MUKIM 16, 11500 AIR ITAM,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : GUNALAN A/L MUNIANDI - 73061907****
851, JALAN SERAI SETIA 5, TAMAN SERAI
SETIA 09400 PADANG SERAI, KEDAH

No Akaun : 6942
Peminjam : JAYANTHI A/P KANAN - 76062112****
23 LORONG SINTAR INDAH 13, TAMAN
SINTAR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : AFIFAH BINTI ABU YAZID - 67091902****
SEKOLAH PEMBANGUNAN SOSIAL,
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK, KEDAH
Penjamin 2 : THIAGARAJOO A/L MUNIANDY – 3698***
(MENINGGAL DUNIA)
NO. 2340, LORONG LIKU, BAKAR BATA,
ALOR SETAR, 05100 KEDAH

No Akaun : 6948
Peminjam : MURALI A/L RAJARAM - 74100607****
31 TINGKAT PUNGGOK 1, TAMAN RASA RIA
14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : RAJARAM A/L KRISHNAN - 0981***
31 TINGKAT PUNGGOK 1, TAMAN RASA RIA
14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 2 : PREMA A/P RAJARAM - A2429***
31 TINGKAT PUNGGOK 1, TAMAN RASA RIA
14200 SUNGAI BAKAP, SPS

No Akaun : 6951
Peminjam : SUBRAMANIAM A/L SENGODAN -
72042507****
NO. 33 LORONG 18/SS 3, BANDAR TASEK
MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : T.THAYALAN A/L V.TANDATHABANI -
65103008****
11 LORONG PUTERI GUNUNG 32, TAMAN
PUTERI GUNUNG 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : PARVATHY A/P SENGODAN - 70020707****
NO. 20 JALAN HARUAN, TAMAN HARUAN,
KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 6959
Peminjam : LOGARAJAH A/L G.SUBRAMANIAM -
73030907****
6-3-1 PANGSAPURI ANGSA, JALAN 6/38A,
TAMAN SRI SIRNA 51200 SEGAMBUT,
KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : SAMINATHAN A/L ARUMUGAM - 0302***
2546-G KUARTERS PERIKANAN
11960 BATU MAUNG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARASWATHI A/P ARUMUGAM - 6036***
LOT 630-8 KAMPUNG PAYA BESAR,
09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 6960
Peminjam : LIM CHIN HOW - 74062807****
20 LORONG KURAU 29,
CHAI LENG PARK 13700 PERAI
Penjamin 1 : LIM SENG KHIM - 2533***
20 LORONG KURAU 29,
CHAI LENG PARK 13700 PRAI
Penjamin 2 : CHAN BAN HEI - A1726***
104-A BLOK A, TAMAN SIAKAP,
13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 6972
Peminjam : KOAY KIEN AIK - 74040707****
1-10-10 TAMAN SUTERAMAS, LORONG BIDOR,
AYER ITAM 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEE CHEE SENG - 75083107****
1 CARNARVON STREET,
10100 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN SENG AUN - 45102307****
NO. 8 LORONG 12/SS1,
BANDAR TASEK MUTIARA
14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 6998
Peminjam : YU GAIK YAP - 75051307****
848 JALAN 6, KAMPUNG BERAPIT
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : YU GAIK HUA - A1871***
1401 LORONG KENARI 7/3A, TAMAN KENARI,
KULIM, 09000 KEDAH
Penjamin 2 : LIM HOCK SENG - 67082407****
1250 JALAN BALAI, KAMPUNG BERAPIT
14000 BUKIT MERTAJAM,
SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 7005
Peminjam : TAN KHEAN TAT - 75010207****
648 MK 4 AIR PUTIH, BALIK PULAU
11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SAW PHENG - 72010907****
648 MUKIM 4 AIR PUTIH, 11000 BALIK PULAU,
PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN TIAN CHOO - 66111907****
648 MUKIM 4 AIR PUTIH,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 7007
Peminjam : TEOH SOON FOK - 75091307****
TPB 2540 JALAN BADAK MATI,
SUNGAI BAKAP, 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : TEOH BON HUA - 42061802****
74 JALAN BADAK MATI, SUNGAI BAKAP
14200 SUNGAI JAWI,
SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : TEOH SOON PENG - A2498***
74 JALAN BADAK MATI, SUNGAI BAKAP
14200 SUNGAI JAWI,
SEBERANG PERAI SELATAN

# Negeri berpengalaman 30 tahun anjur perlumbaan perahu naga - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NAZLEEN NAJEEB**

**TELUK BAHANG** – Pesta Perlumbaan Perahu Naga yang berlangsung pada 6 hingga 7 Disember lalu merupakan antara acara tahunan berprestij terutamanya buat peminat sukan air dari dalam dan luar negara di sini.

Pesta sukan air tersebut merupakan penganjuran kali kedua tahun ini (2014) selepas penganjuran Festival Perahu Naga Kebangsaan Pulau Pinang 2014 Ke-35 yang berlangsung di lokasi sama pada Jun lalu.

Exco Pembangunan Pelancongan merangkap Pengerusi Pesta Perlumbaan Perahu Naga, Law Heng Kiang berkata, Pulau Pinang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam penganjuran berkaitan.

Menurut beliau, penyertaan diterima saban tahun pada setiap kali penganjuran tidak pernah mengecewakan.

"Pada tahun ini, lebih 40 pasukan dari dalam dan luar negara turut serta.

"Pasukan yang berada di sini bukan sahaja bertujuan mengambil bahagian dalam perlumbaan, malah, bagi menikmati keunikan berada di Pulau Pinang yang kaya dengan warisan budaya, alam sekitar dan masakan terkenal di dunia," ujarnya pada Majlis Perasmian Pesta Perlumbaan Perahu Naga 2014 di Empangan Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Buat pasukan wanita dari Iran, *Avash Persian Gulf* yang julung kali menyertai perlumbaan berkenaan menganggap ia benar-benar memberikan satu pengalaman baru.

Ketua pasukannya, Azam Daneshvar, 31, memberitahu, melalui pengalaman ditimba sempena penganjuran kali ini, pasukan beliau pasti bakal menyertai semula perlumbaan tersebut pada tahun hadapan.

"Perlumbaan di sini sangat mengujakan dengan penyertaan yang ramai, ditambah pula dengan persekitaran yang menarik.

"Kami pasti kembali ke sini tahun hadapan," ujar Azam.




PASUKAN Korea yang turut mengambil bahagian.



AKSI yang dipamerkan ketika berlangsungnya pertandingan.



PASUKAN wanita Iran, *Avash Persian Gulf* memberikan *pose* menarik kepada lensa Buletin Mutiara sebelum berentap pada penganjuran Pesta Perlumbaan Perahu Naga 2014 di Empangan Teluk Bahang baru-baru ini.


## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 7013
Peminjam : WOOI SZE YEN - 77090407****, 722 KAMPUNG ASTON, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : WOOI BOON HOO - 52042907****, 722 MK 10 KAMPONG ASTON, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : WOOI SWEE PHEW - 56111607****, 35 LORONG KURAU 21, TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI

No Akaun : 7022
Peminjam : PARIMELA DEVI A/P RAMAYAH - 76102007****, NO. 34 JALAN SEPILAI, TAMAN MAKTAB, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : SHAKILA DEVI A/P RAMAYAH - 73071707****, 34 JALAN SEPILAI, TAMAN MAKTAB, KELANG LAMA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : RAMAN A/L KRISHNAN - 66082605****, 46, LORONG 2/1, TAMAN SRI SELADANG, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 7052
Peminjam : SITI FATIMAH BINTI ABAIT - 77120907****, 271 PAJAK SONG, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAT SALEH BIN SAID - 49052407****, LOT 1579 JALAN 18/26B, TAMAN SRI SERDANG, SERI KEMBANGAN 43400 SELANGOR
Penjamin 2 : ABDUL HALIM BIN AZALI - 64011002****, 7539 PAJAK SONG 13200 KEPALA BATAS , SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 7053
Peminjam : R.G.ELANGOVAN A/L GOPAL KRISHNAN - 74051107****, 24 JALAN ANGGERIK VANILLA 31/100C KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31, 40464 SHAH ALAM,
Penjamin 1 : R G KARMUKILAN A/L GOPAL KRISHNAN - A2335***, D-7-1 AVENUE COURT, TAMAN SERI SENTOSA OFF JALAN KLANG LAMA 58200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : PARTHIBAN A/L JANARTHANAN - A2236***, NO. 1 JALAN 2/21B, TAMAN SETAPAK, 53000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 7056
Peminjam : FUZIAH BINTI KHALID - 64121107****, 741-C BLOCK B, KG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : YAHAYA BIN MAT - 63081608****, 741-C BLOCK B , KAMPUNG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI ISHAH BT OTHMAN - 4914***, NO. 1294 JALAN PADANG BENGGALI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 7080
Peminjam : TAN ENG SEANG - 77040307****, BLK 29-25-07 LENGKOK NIPAH DUA, TAMAN LIP SIN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NEOH SOON KEAT - A0729***, 346-3-4 CECIL STREET GHAUT, 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NEOH BEE LEAN - A1119***, 346-3-4 CECIL STREET GHAUT, 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 7112
Peminjam : SUZANA BT AHMAD - 66081007****, PT 170 TAMAN SRI KADOK, KETEREH 16450 KELANTAN
Penjamin 1 : ALIZA BINTI AHMAD – 63110307**** (MENINGGAL DUNIA), 210-B QUARTERS KASTAM, JALAN MADRASAH 13600 PRAI
Penjamin 2 : MD DZAHIR BIN OSMAN - 58090902****, NO. 126 JALAN PENGHULU HIM, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 7132
Peminjam : LEE MAN HONG - 76012507****, NO 16 JALAN PJU 1A/27C ARA DAMANSARA, PETALING JAYA 47301 SELANGOR
Penjamin 1 : LEE KOK CHUAN - 58100708****, 196 JALAN CIKU, KAMPUNG JAMBU, 34000 TAIPING, PERAK
Penjamin 2 : TAN PENG KHOON - 5784***, 46 LORONG TIGA , TAMAN KAMI B AULONG 34000 TAIPING, PERAK

No Akaun : 7158
Peminjam : CHAN HSIO CHIA - 75041907****, 26 JALAN ANGGERIK, DORITIS 31/133 KOTA KEMUNING 40460 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : LEE GAIK EAN - 7213***, 15 JALAN SUNGAI ARA 2 , DESA ARA, 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WONG LAI FUN - 7478***, 3-2-1 LEBUH NIPAH SATU, MEDAN MUTIARA SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 7163
Peminjam : LAI YIN MEI - 73030607****, 17 JALAN BAKAWALI 20, TAMAN JOHOR JAYA 81100 JOHOR
Penjamin 1 : CHOO KOK CHOY - 56082307****, B9-G-14 JALAN BAGAN 23, TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : WONG OY YOKE - 61021407****, 5 LORONG KURAU 9 , TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI

No Akaun : 7189
Peminjam : HAMIDAH BT OTHMAN - 65031107****, 91 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 1 : HASNIZA BT OTHMAN - A2431***, 91 TAMAN SIAKAP, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2 : FARIDAH HANIM BT KHALID - A0409***, 281 BAGAN BELAT , TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 7219
Peminjam : BAWANI A/P GOVINDARAJU - 75052807****, 684 JALAN KAMPUNG BENGGALI, SUNGAI PUYU 13000 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SUBBAMA A/P APPANA - 46062408****, A1 JALAN SELAMAT 3, TAMAN SELAMAT, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : NAGANATHAN A/L MUTHIAH - 68072007****, 681 JALAN KG BENGGALI, 13020 SUNGAI PUYU , BUTTERWORTH

No Akaun : 7136
Peminjam : ROSMAIDY BIN MOHAMED RAMLY - 77022608****, 1-9-16 BLOK MERBAU, DESAMINIUM RIMBA, JALAN TASIK 1, TAMAN DESAMINIUM 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 1 : ROSMAIZA BT MOHAMED RAMLY - 75111608****, NO. 39 JALAN ST 1, SAMUDRA TERES, BATU CAVES 68100 SELANGOR
Penjamin 2 : ABDUL SHUKOR BIN BAKAR - 71060808****, NO. 3 LORONG BUNGA KANTAN 3, TAMAN KRIAN TAMBAHAN 5, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

No Akaun : 7225
Peminjam : TANG AI FOOI - 76031207****, 50A-15-02 U-GARDEN, PERSIARAN MINDEN 1, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TANG CHEWN HUAT - 71110507****, A-16-03 N PARK, JALAN BATU UBAN, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN SIEW YANG - 70062302****, 36 LORONG SINTAR INDAH 12, TAMAN SINTAR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS

# Produktiviti & inovasi kunci ekonomi pendapatan tinggi - KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS –** Produktiviti dan inovasi adalah kunci kemakmuran. Untuk beralih menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, kita perlu melangkaui model faktor didorong pertumbuhan dan memberi tumpuan kepada produktiviti serta inovasi, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika merasmikan Persidangan Perindustrian Pembuatan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata, satu strategi lebih mampan diperlukan bagi menjana perubahan ekonomi.

"Beberapa cabaran utama yang kita hadapi termasuklah pelaburan infrastruktur dan melabur dalam modal insan bagi melahirkan pekerja berkemahiran tinggi serta profesional demi melaksanakan produktiviti pada skala yang lebih luas.

"Transformasi ekonomi kita tidak boleh dicapai hanya dengan mengubah struktur, tetapi, perlu juga ada perubahan besar dalam sikap rakyat termasuk pengetahuan untuk pembangunan.

"Kita perlu mengubah cara pemikiran (kita) untuk meningkatkan produktiviti pekerja, inovatif serta aktiviti kadar pertumbuhan dalam semua sektor," ujarnya di hadapan kira-kira 200 tetamu yang terdiri daripada perunding dan pemimpin industri.

Persidangan Perindustrian Pembuatan julung kali dianjurkan terbabit menjadi platform kepada pemimpin industri dan perunding untuk berkongsi idea-idea kejayaan serta pengetahuan.

Malah, pada masa sama, juga boleh mendapatkan wawasan baru berhubung trend terkini industri tempatan dan antarabangsa.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Tambah Guan Eng, pada tahun 2013, sektor pembuatan dan perkhidmatan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan Pulau Pinang.

"Sektor pembuatan berkembang pada kadar 3.5 peratus.

"Manakala, sektor perkhidmatan mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 5.8 peratus," ujar beliau.



KETUA Menteri dan Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kanan) bergambar kenangan denggan dif-dif jemputan sempena penganjuran Persidangan Perindustrian Pembuatan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



KALANGAN perunding dan pemimpin industri yang hadir.

## Blogger iktiraf P. Pinang antara lokasi persaraan terbaik dunia

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PANTAI JEREJAK –** Pulau Pinang dinyatakan sebagai antara destinasi persaraan terbaik dunia, demikian lapor sebuah laman blog, *huffpost.com* oleh Kathleen Padicord baru-baru ini.

Penulisan beliau banyak menyentuh mengenai sosio budaya George Town, komunikasi kepelbagaian etnik dan budaya, makanan, persekitaran, pelancongan, kemudahan serta warisan negeri ini.



KETUA Menteri mendengar penjelasan berhubung pengoperasian mesin Fuji Xerox pada majlis perasmian cawangan barunya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, 'gelaran' tersebut merupakan satu lagi pengiktirafan kepada negeri Pulau Pinang yang sememangnya menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Jika kita lihat penulisan ini, tentulah beliau (penulis) ini banyak menyentuh mengenai keistimewaan Pinang Pinang yang selesa untuk didiami selepas anda bersara.

"Antara perkara pokok disentuh adalah kemudahan, kos sara hidup berpatutan dan makanan jalanan yang umumnya menjadi tarikan utama pelancong ke negeri ini.

"Sebagai Kerajaan Negeri, pastinya kita akan terus memelihara dan memulihara aset-aset pelancongan di Pulau Pinang bagi kesinambungan di masa hadapan," ujarnya pada sidang media Majlis Perasmian Cawangan Baru Syarikat Fuji Xerox Asia Pacific Pte Ltd. (Fuji Xerox) di sini baru-baru ini.

Fuji Xerox yang merupakan gabungan dua syarikat utama iaitu *Fujifilm Holdings* dan *Xerox Corporation* merupakan sebuah syarikat berkaitan dokumentasi, komunikasi dan perkhidmatan bertaraf global.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Presiden Fuji Xerox Malaysia, Yoshio Hanada.

Dalam pada itu, menurut Hanada, lokasi pemilihan Bayan Baru di sini merupakan satu pilihan strategik ekoran kedudukannya di tengah negeri Pulau Pinang.

"Dengan terletaknya cawangan ini di tengah pusat perdagangan dan industri Pulau Pinang, kami (Fuji Xerox) amat berharap ia dapat memberikan perkhidmatan yang efisien dan mampu menyokong keperluan pelanggan-pelanggan yang terdiri daripada sektor industri di Bayan Lepas, Batu Maung dan Batu Kawan (Seberang Perai Selatan).

"Malah, kami (Fuji Xerox) turut berharap dapat mengembangkan perniagaan pada keuntungan berbanding sebelum ini," ujar beliau.

## MoU pengantarabangsaan pendidikan tinggi, budaya termeterai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang memeterai memorandum persefahaman (MoU) strategik dengan *University of Bradford, United Kingdom* bagi mengantarabangsa dan mempromosikan pendidikan tinggi serta usahasama kebudayaan antara kedua-dua entiti berkaitan di sini baru-baru ini.



ABDUL Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Profesor Brain Cantor (kanan sekali) bertukar-tukar dokumen MoU sambil disaksikan Profesor Dr. P. Ramasamy di sini baru-baru ini.

MoU ditandatangani Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Naib Canselor University of Bradford, Profesor Brain Cantor di hadapan Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy yang juga merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bercakap kepada pemberita, Abdul Malik memberitahu, objektif utama MoU tersebut adalah untuk mewujudkan jalinan kerjasama strategik yang lebih erat serta profesional dalam usaha pengantarabangsaan pendidikan tinggi termasuk pertukaran kepakaran, sumber dan teknologi pembelajaran serta pengajian tinggi, pembangunan kurikulum dan program penyelidikan rangkaian bersama.

"Kerjasama antara Pulau Pinang dan *University of Bradford* dalam bidang pendidikan tinggi dan kebudayaan kini telah memasuki fasa baharu.

"Oleh itu, saya berharap MoU yang dimeterai ini akan menjadi simbol yang tidak terbatas kepada hubungan dua hala yang erat serta mencerminkan ketelusan untuk berkongsi pengetahuan sama ada dalam kalangan ahli akademik mahupun pelajar di Pulau Pinang dan UK," katanya selepas majlis berkenaan.

Dalam pada itu, Profesor Brain berharap dapat menjalinkan kerjasama utuh bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama dalam bidang pendidikan tinggi, eksplorasi sejarah, perkongsian teknologi maklumat, pengurusan dan pentadbiran, kebudayaan.

# Gaya hidup hijau ke arah kelestarian

Oleh: **HOO HUEY CHING**
**Pegawai Kanan Penang Green Council**

**PADA** bulan November, *Penang Green Council* (PGC) telah menganjurkan dua Kem Hijau di dua daerah yang berbeza di Pulau Pinang: Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Barat Daya untuk mendidik generasi muda mengenai topik-topik alam sekitar dan amalan / gaya hidup hijau.

Pada 1 Nov 2014, satu Program yang dinamakan Recyclethon telah berjaya dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sek. Keb. Sg. Rambai (SKSR) di Bukit Mertajam. Program ini merupakan Hari Keluarga dan Komuniti untuk ibu bapa dan kanak-kanak. Seiring dengan program ini, PGC telah dijemput untuk mengadakan taklimat dan aktiviti untuk murid-murid sekolah berusia antara 9 -12 tahun.

Sejumlah 180 kanak-kanak telah menyertai sesi ini. Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai topik yang berkaitan seperti: Mengapa kitar semula, apa dan di mana untuk mengitar semula, bahan yang perlu dikitar semula dan bagaimana kitar semula dengan kaedah yang betul. Pertandingan melukis poster bertemakan alam sekitar turut dijalankan sebagai sebahagian daripada program ini.

Usaha-usaha untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran untuk kanak-kanak telah diteruskan sehingga akhir bulan November, dimana Kem Hijau kedua telah diadakan di Dewan JKKK Bukit Gedung. Pejabat ADUN Batu Maung telah bekerjasama menganjurkan kem ini pada 29 November 2014.

Dato' Hj Abdul Malik Kassim, EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, ADUN Batu Maung telah merasmikan kem ini. Kanak-kanak sekolah berusia antara 9-11 tahun dari Sekolah Agama Rakyat Batu Maung menghadiri aktiviti ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai gaya hidup hijau dan kelestarian alam sekitar.

Dalam ucapan YB, beliau telah menegaskan kepentingan konservasi alam sekitar selaras dengan visi Pulau Pinang sebagai negeri yang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat. Kanak-kanak Batu Maung memainkan peranan penting dalam menjaga persekitaran yang bersih. Sebagai contoh, peserta digalakkan mengamalkan tabiat tidak membuang sampah di kawasan sekolah, rumah atau kejiranan dan sejurusnya mencapai matlamat 'Batu Maung Lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat'.



**KANAK-kanak telah dibimbing untuk melukis poster bertemakan alam sekitar, dilengkapi dengan slogan yang kreatif.**





**KANAK-kanak telah dibimbing untuk melukis poster bertemakan alam sekitar.**



**KUMPULAN kanak-kanak yang menghasilkan lukisan poster *'Save the Earth'*.**



**PESERTA-peserta telah membuat penapis air yang ringkas untuk kumpulan masing-masing.**



**GAMBAR kumpulan bersama tetamu kehormat.**








# GIS bantu ibu bapa pilih pusat asuhan terbaik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar: **NAZLEEN NAJEEB**

**GEORGE TOWN –** Sejumlah 162 Taman Asuhan Kanak-kanak atau Taska berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri ini dipetakan melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS) di bawah penyelarasan Pusat PEGIS Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Sistem pemetaan Taska tersebut dilancarkan pada November lalu oleh Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Aloyah A. Bakar, wakil Pengarah JKM Pulau Pinang, Zaharah Bebe, Pegawai Penyelaras Pusat PEGIS Pulau Pinang, Abdul Azhar Ibrahim, wakil dari syarikat penyediaan rangkaian dan teknologi maklumat, *Northern Network of Diversity Advocates* dan operator-operator Taska Pulau Pinang.

Chong Eng ketika berucap menyatakan bahawa pelaksanaan projek berkenaan merupakan inisiatif Kerajaan Negeri melalui PWDC dan Pusat PEGIS Pulau Pinang bagi memberi kemudahan kepada golongan ibu bapa mencari perkhidmatan asuhan kanak-kanak terbaik di kawasan berdekatan kediaman atau tempat kerja masing-masing.

"Sistem pemetaan ini merupakan yang pertama di Malaysia, sekali lagi, Pulau Pinang mendahului pemetaan taska melalui GIS.

"Sistem ini bukan sahaja memudahkan pencarian Taska yang terdekat dan bersesuaian, tetapi juga memberi manfaat kepada ibu bapa dan penjaga di bawah satu sistem berintegriti," ujarnya pada Majlis Pelancaran Sistem Pemetaan Taska di Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sejagat di sini baru-baru ini.



CHONG Eng (kiri sekali) menunjukkan lokasi Taska-taska yang dipetakan melalui GIS sambil diperhatikan Aloyah A. Bakar (kanan sekali) pada Majlis Pelancaran Sistem Pemetaan Taska di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, melalui sistem terbabit, ia secara tidak langsung dapat membendung perkembangan bilangan Taska tidak berdaftar dan beroperasi secara haram tanpa sebarang pemantauan daripada pihak berwajib.

"Fenomena Taska yang tidak berdaftar ini amat membimbangkan dan tidak boleh dibiarkan berterusan kerana pengasuhan serta penjagaan kanak-kanak tidak boleh dikompromi.

"Oleh demikian, saya ingin menyeru semua operator Taska yang masih tidak berdaftar untuk segera merujuk di mana-mana pejabat JKM terdekat bagi proses pendaftaran," seru Chong Eng.

Tambahnya, jawatankuasa kerja khas akan mengkaji dan meneliti usaha-usaha penubuhan Taska, Tadika dan pusat-pusat jagaan kanak-kanak di negeri ini bagi memastikan semuanya mengikut piawaian serta peraturan ditetapkan pihak berwajib.

Sistem GIS Pemetaan Taska yang diimplementasi turut merangkumi kategori Taska berdaftar yang menerima kanak-kanak kurang upaya (OKU), Taska Komuniti (TASKOM), Taska di institusi, Taska di tempat kerja dan Taska di rumah.

Bagi maklumat lanjut, layari laman sesawang, *epegis.penang.gov.my/pwdc-taska/* atau hubungi PWDC di talian **04 - 261 2835.**

# MSNPP bantu negara lahir atlet prestasi tinggi – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**BATU UBAN –** Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) merupakan badan induk bagi pengurusan semua jenis sukan di Pulau Pinang dan keperluannya adalah untuk menjalin hubungan erat bersama-sama 40 persatuan sukan yang bertapak di negeri ini dengan tujuan mencakna bakat-bakat baru untuk diketengahkan di arena antarabangsa.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Chong Eng sempena lawatan khas ke kem MSNPP bagi meninjau serta membuka mata umum berhubung peranan sebenar badan berkaitan.

Katanya, selama ini, umum mengetahui fungsi MSNPP hanya berkaitan penganjuran sukan semata-mata.

"Sebaliknya, peranan MSNPP adalah lebih daripada itu dan ia mendukung misi dan visi penubuhan MSNPP berkaitan dalam membantu negara melahirkan atlet-atlet berprestasi tinggi bagi mencapai piawaian antarabangsa," ujarnya pada sidang media selepas selesai sesi lawatan terbabit di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Pegawai-pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang dijemput khas.



MOHD. Rashid Hasnon (lima dari kanan) ditemani barisan kepimpinan lain memerhatikan aksi salah seorang atlet gimnastik yang sedang berlatih di kem MSNPP di sini baru-baru ini.

Menurut Chong Eng, sebagaimana maklum, temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang kini diadakan setiap tahun memerlukan perhatian serius terutamanya dalam penyediaan barisan atlet untuk berentap dalam kejohanan berkaitan.

"Tanggungjawab tersebut juga tidak lain dan tidak bukan terletak pada bahu MSNPP," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid menyeru supaya ADUN-ADUN turut sama memainkan peranan dalam membantu MSNPP melahirkan bakat-bakat baru dengan memperkasakan aktiviti sukan di peringkat komuniti.

"Bagi mengembangkan sukan dari peringkat bawah, contohnya bola sepak atau futsal, kita (ADUN) boleh mengadakan pertandingan berbentuk skala lebih kecil atau *in house* sebagai usaha mencungkil dan membuka peluang kepada bakat-bakat muda di peringkat komuniti.

"Selaras dengan misi tersebut, Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk membina sebuah gelanggang futsal bagi setiap Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya yang juga ADUN Pantai Jerejak.

Bagai maklumat mengenai fungsi dan peranan MSNPP, layari laman sesawang, *www.msnpp.gov.my.*



ATLET pencak silat yang sedang giat menjalani latihan.

# *Penang Goes Orange 2014* basmi keganasan wanita

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Demi memartabatkan peranan wanita dan membuktikan keprihatinan terhadap golongan Hawa, Kerajaan Negeri melakar sejarahnya tersendiri dengan melancarkan *Penang Goes Orange 2014* iaitu kempen menentang keganasan terhadap wanita di sini baru-baru ini.

Kempen seumpamanya itu merupakan yang pertama diadakan pada peringkat negeri dan dilancarkan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng.

Hadir sama memberi sokongan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim, ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng, ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Aloyah A. Bakar.

Chong Eng dalam ucapannya menyifatkan kempen berkenaan mampu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu keganasan terhadap wanita yang merupakan satu bentuk pencabulan ke atas hak asasi manusia.

"Keganasan terhadap wanita bukan sahaja merupakan masalah peribadi, tetapi juga masalah umum, (masalah) Pulau Pinang dan (masalah) Malaysia.

"Kita tidak boleh membenarkan keganasan berterusan dan harus bangkit menyatakan 'TIDAK' kepada ketidaksaksamaan gender yang menjadi punca penindasan dan keganasan terhadap wanita.

"Rakyat Pulau Pinang harus bersolidariti dengan mangsa keganasan dan menggalakkan mereka (mangsa) tampil mendapatkan keadilan," katanya pada Majlis Pelancaran Penang Goes Orange 2014 di sini baru-baru ini.

Jelas Chong Eng, sehingga kini, keganasan




ALOYAH A. Bakar (kiri sekali) bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur pada majlis perasmian kempen.

terhadap wanita masih menjadi masalah di Pulau Pinang dengan sejumlah 4,025 kes keganasan rumahtangga dilaporkan dari tahun 2000 hingga 2013.

"Pada tahun 2013 sahaja, sejumlah 240 kes keganasan rumahtangga, rogol (117) dan mencabul kehormatan (90) dilaporkan serta beberapa kes penderaan yang tidak dilaporkan di negeri ini terjadi.

"Oleh demikian, isu keganasan terhadap wanita perlu didedahkan secara terbuka dan bukannya terhad dalam kalangan aktivis sahaja, kita semua perlu ambil peduli.

"Setiap daripada kita tanpa mengira kaum dan latar belakang perlu berganding bahu dan bersatu demi mewujudkan persekitaran yang selamat serta bebas dari sebarang bentuk keganasan, diskriminasi, penganiayaan dan penderaan," tegas beliau.

Kempen *Penang Goes Orange 2014* adalah sebuah kempen di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dengan kerjasama PWDC.

Bertemakan 'Hentikan Keganasan, Hormati Wanita', kempen yang berlangsung selama tiga minggu bermula 23 November lalu berjaya menggamit penyertaan bukan sahaja dalam kalangan aktivis, tetapi juga sektor awam, swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) dari dalam dan luar negara.

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

# Muruku lingkar Makcik Misah seunik usia resipinya

**TAK** sanggup rasanya untuk penulis merasai muruku yang dihidangkan Makcik Misah ketika sesi wawancara bersamanya baru-baru ini.

Sedikit demi sedikit, secubit demi secubit, daripada adunan tepung, bentuk lingkaran, proses menggoreng dan pembungkusan, semuanya dibuat secara manual.

Lahir rasa kesian memerhatikan fizikal Makcik Misah atau nama sebenar, Salmiah Arshad, 70, tunduk membongkok begitu tekun menghasilkan satu demi satu muruku lingkar yang diusahakannya sejak 1972.

Setiap muruku lingkar yang dihasilkan adalah daripada kesungguhan dan titik peluh beliau.

Malah, menurut anak kedua beliau, Mohd. Anuar Hamid, 47, keadaan fizikal ibunya kini (bongkok) adalah kesan daripada perusahaan muruku yang diusahakan berpuluh-puluh tahun sebelum ini.

“Makcik orang susah, kena kerja untuk sara keluarga. Setiap hari, makcik menoreh pada waktu pagi dan malam buat muruku jual,” celah Makcik Misah apabila terdengar bisikan Mohd. Anuar kepada Buletin Mutiara.

Setelah berkali-kali Makcik Misah ‘memaksa’, akhirnya penulis dan jurugambar skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara terpaksa akur dengan permintaannya supaya mencuba muruku lingkar keluaran beliau.

Berserta teh ais yang dihidangkan, rupa bentuk muruku lingkar Makcik Misah kelihatan seperti produk jualan biasa di pasaran. Apabila dirasa, ianya jelas berbeza!

Rasanya berempah dan amat rapuh. Kepedasan cukup-cukup rasa, sesuai untuk golongan kanak-kanak. Satu persatu, memang tidak boleh berhenti mengunyah Muruku Lingkar Hajah Salmiah Sungai Pinang (jenama produk yang dipasarkan).

Bercerita dengan lebih lanjut, resipi muruku lingkar Mak Misah adalah daripada anak manakannya.

“Suatu hari, saya pi tengok dia buat jual, lepas tu balik cuba dan terus jadi.

“Bermula dari situ, setiap kali ada tetamu, saya akan hidangkan. Kadang-kadang, anak bawa ke sekolah, lepas itu mula ada orang beli,'' katanya yang dikurniakan tiga cahaya mata lelaki.

Pada peringkat permulaan, harga jualan muruku lingkar Makcik Misah adalah RM3 bagi setiap 100 biji. Bertahun-tahun beliau mengekalkan harga jualan tersebut sehingga peruncit-peruncit memintanya menaikkan (harga) secara berpatutan mengikut pasaran kini.



SALMIAH Arshad atau Makcik Misah.



SEDIA untuk dihidangkan.

Jelasnya, bahan-bahan utama yang digunakan adalah tepung beras, cabai serbuk, telur, cintan putih, bawang putih dan udang kering.

“Semua bahan-bahan tersebut kemudian diadun menggunakan air panas,'' ujar Makcik Misa berkongsi rahsia serta petua proses pembuatan murukunya.



ACUAN kayu.

Selain proses adunan, penyediaan muruku juga dibuat secara tradisional yang mana bermula dengan api batang kayu kemudian ditukar kepada dapur minyak dan kini dapur gas. Malah, lilin digunakan untuk proses pembungkusan.

“Masa goreng muruku, minyak tidak boleh panas sangat sebab muruku akan meletup. Api kena jaga,'' tambah Makcik Misah sambil menyatakan bahawa perlu banyak bersabar untuk berjaya dalam bidang perusahaan berkenaan.

Setiap hari, Makcik Misah yang menetap di Kampung Sungai Pinang, Balik Pulau cuba menyiapkan 800 biji muruku bagi memenuhi permintaan tempatan dari semasa ke semasa. Menjelang musim perayaan, tempahan mampu mencecah lebih daripada 40,000 biji.



LILIN digunakan dalam proses pembungkusan.

“800 biji, kalau buat dua orang, kira-kira dua jam baru siap. Sebelum 2007, pakcik (suami) akan akan tolong lingkar dan makcik akan goreng.

“Tapi, sejak pakcik kena strok, harap dia (sambil menunjukkan Mohd. Anuar) dan isteri yang datang tolong. Mereka pun kerja.

“Memang nak berhenti, tapi kesian, orang dok datang cari. Siap pesan lagi yang Tok jangan berhenti sebab kita nak rasa muruku Tok,'' ujarnya yang tidak pernah lekang dengan senyuman.

Daripada tiga anak Mak Misah, hanya Mohd. Anuar yang berminat dengan ‘kerja dapur’.

Ulas Mohd. Anuar, beliau memang minat memasak dan seronok untuk belajar dan mencuba.

“Saya mula tolong mak selepas tamat tingkatan lima. Masa saya berusia 20-an, saya boleh buat adunan tepung, uli dengan air panas, itu yang tidak tahan. Jika guna air sejuk, tepung akan jadi keras dan terputus-putus.

“Masa umur belasan tahun, kalau orang datang sembang dengan mak kat rumah, saya yang tengah goreng muruku akan lari sebab malu...balik-balik tengok, muruku dalam kuali telah hangit,'' katanya yang merupakan kakitangan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

“Kalau gulai dalam periuk pun tinggal,'' usik Makcik Misah sambil menglingkar muruku untuk digoreng.

Bagi perancangan masa depan, Mohd. Anuar akan meneruskan perusahaan tersebut jika ibunya ‘pencen’ kelak.

“Adik dan abang tak minat. Kalau mak berhenti, mungkin saya akan sambung.

Nak teruskan, besarkan secara komersial,'' ucapnya yang dikurniakan lima cahaya mata ringkas mengakhiri sesi temubual baru-baru ini.



MOHD. Anuar Hamid melingkar muruku menggunakan acuan kayu sebelum digoreng.



MURUKU siap dilingkar sebelum digoreng.

**INFO :**
**Muruku Lingkar Hajah Salmiah Sungai Pinang**
**Tel : 04 - 866 3844 atau 012 - 479 1341**

# Melayu nak 'senang', niaga - Wan Ibrahim Megat Zainol



WAN Ibrahim Megat Zainol.

**BELIAU** diiktiraf sebagai salah seorang daripada lapan usahawan berjaya pada Majlis Anugerah Usahawan Berjaya Peserta Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) 2014 baru-baru ini.

Berbekalkan modal tambahan daripada pinjaman mikrokredit PTSR di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), kini, beliau berjaya mengembangkan potensi perniagaannya pada tahap sekarang.

Wan Ibrahim Megat Zainol, 42, mula-mula menolak hasrat untuk diinterbiu atas alasan kejayaannya itu 'kecil sahaja' dalam dunia usahawan di negeri ini

Tetapi, selepas dipujuk isteri, Norharfizah Razali, 35, akhirnya Wan Ibrahim bersetuju untuk berkongsi pengalaman berjaya dengan wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB.**

"Sebenarnya saya datang (dibesarkan) dalam keluarga yang hidup berniaga.

Seingat saya, abang sulung saya sahaja bekerja makan gaji dengan kerajaan, adik-beradik yang lain berniaga seperti saya," ujarnya pada majlis penyampaian anugerah baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon diiringi Timbalan Pengurus Besar PDC, Datuk Abdul Rahim Isahak yang menyempurnakan majlis penyerahan insentif sebanyak RM1,500 beserta sijil penyertaan penerima.

"Insentif ini besar maknanya kepada usahawan kecil seperti saya, mungkin rezeki anak-anak," ujar Wan Ibrahim yang kini menunggu detik menimbang cahaya mata keempatnya.

## PENGALAMAN

Menurut Wan Ibrahim, guru terbaik adalah pengalaman.

Tambahnya, pengalaman juga adalah ilmu yang dimanfaatkan oleh seseorang hingga membuahkan kejayaan.

"Sebenarnya, saya sudah berkecimpung dalam penternakan ikan keli ini sejak 28 tahun lepas.

"10 tahun saya bekerja dengan orang. Dari pengalaman itu, jadi ilmu hinggalah saya sendiri membuka kolam ternakan sejak 18 tahun lepas.

"Apabila saya dengar Kerajaan Negeri ada buat skim pinjaman (mikrokredit) yang lebih baik berbanding syarat-syarat bank, saya cuba memohon dan dapat masuk kali kedua," ujar beliau.

Kini, ladang penternakan ikan keli Wan Ibrahim adalah dekat pedalaman Kampung Sungai Duri dekat Sungai Bakap di atas tanah berkeluasan enam ekar.

"Satu kolam luasnya lebih kurang satu ekar...(keluasan ladang ternakan ikan keli) semuanya lebih kurang enam ekar.

"Alhamdulillah, kira sebelah sana, (ladang ternakan ikan keli) saya yang paling besar," katanya sambil memuji Tuhan Yang Maha Pemurah.

## NIAGA BERBALOI

Walaupun krisis kenaikan harga barang serta minyak sedang mewarnai landskap ekonomi negara, Wan Ibrahim kini mengakui bahawa pendapatan hasil penternakan ikan keli masih membawa keuntungan yang lumayan.

"Sekarang ini, berniaga pun tidak senang seperti dulu.

"Dulu, kos ternak kurang, tidak seperti sekarang yang kos barang dan (kos) utiliti agak tinggi.

"Nak untung banyak-banyak seperti dahulu dah tak dapat dah, tetapi, untung memang boleh untung,

"Cuma, 'sedikit' dan tak lah lumayan semacam dulu, disebabkan kos ternak dan urus niaga yang agak tinggi," jelasnya.

Bayangkan, Wan Ibrahim tiap-tiap bulan memasarkan hasil ternakan ikan kelinya lebih 20 tan.

"Jual, boleh dikatakan di (Utara Semenanjung Malaysia), iaitu di Utara Perak, Kedah dan Pulau Pinang sendiri.

"Paling jauh, ternakan ikan keli ini (dieksport) sampai ke Thailand sekarang ini," jelas beliau.

Walaupun dianggap antara pembekal terbesar ikan keli ternak di Utara Semenanjung Malaysia ini, Wan Ibrahim menyatakan bahawa beliau masih menjual hasil ternakannya kepada peraih kecil yang bertandang ke rumahnya.

"Yang runcit-runcit pun ada datang ambil sedikit-sedikit, dalam 100 kilogram hingga 200 kilogram tiap-tiap hari," ujarnya sambil memuji rakan-rakan yang berani menceburi dunia perniagaan.

## RISIKO

"Kerja kerajaan pun ada risikonya seperti tidak naik pangkat apabila mutu kerja kita tidak memenuhi kemahuan ketua di pejabat.

"Ini lumrah...risiko paling besar dalam bidang penternakan ikan keli ini adalah apabila ada haiwan lain termasuk dalam kolam hingga membunuh anak-anak ikan yang kita ternak.

"Tetapi, setakat ini Alhamdulillah, risiko ini boleh dikurangkan melalui ilmu dan pengalaman," katanya sambil memberitahu bahawa apapun perniagaan perlu ada fokus.

Pun begitu, Wan Ibrahim tersenyum apabila diaju soalan mengenai hasratnya untuk menawarkan kursus ternak kepada mereka yang berminat dalam bidang ini.

Katanya, PDC yang lebih banyak pengalaman seperti menguruskan PTSR adalah lebih layak untuk menyediakan kursus kepakaran ala-ala rancangan realiti televisyen, *The Apprentice*.

"Setakat ini, saya masih tiada rancangan untuk membuat kursus penternakan secara formal di sini, saya ternak dan bekal sahaja. Tetapi, pada masa hadapan, boleh difikirkan.

"Salah satu sebab, mungkin kerana tempat penternakan ikan keli saya sangat 'dalam' di pedalaman Kampung Sungai Duri, payah... susah untuk (pelatih) nak masuk belajar beramai-ramai untuk belajar.

"Tetapi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PDC kerana banyak membantu saya dari segi (pinjaman) modal...PDC lebih pakar dalam membina potensi peniaga," katanya sambil tersenyum.

## HARAPAN

Wan Ibrahim berkata, warga Pulau Pinang khususnya Melayu sepatutnya lebih berani menceburi dunia perniagaan, memandangkan Kerajaan Negeri turut menawarkan Tabung Usahawan Tani Muda yang sama fungsinya seperti PTSR.

Tambah beliau, sayur segar merupakan salah satu bidang pertanian yang mempunyai prospek perniagaan yang berpotensi di Utara Semenanjung Malaysia.

"Orang berniaga perlu fikir ke depan, agar dapat segera mencegah risiko di belakang.

"Ke depan ini, kalau boleh terus (dalam bidang penternakan ikan keli ini), kalau boleh saya nak buka kedai pameran ikan air tawar hidup... macam-macam ikan seperti ikan talapia dan ikan keli.

"Ini, pusat ternak ikan dan bukan pusat memancing...macam *show room*, macam di kedai ikan, selain, saya sasar nak buat 20 kolam ternak lagi," jelasnya.

Bagi Wan Ibrahim, kalau Melayu nak berjaya dan kaya, salah satu perkara yang wajar dilakukan adalah terjun dalam dunia perniagaan.

"Kalau orang Melayu kita berniaga semua harap bagus, kena berani dan kena kreatif.

"Boleh untung sedikit, kalau tak boleh buat sepenuh masa, mula secara sambilan dahulu.

"Yang penting cari ilmu dan pengalaman...Melayu pun boleh 'senang' dengan jalan berniaga," serunya.




WAN Ibrahim Megat Zainol (dua dari kanan) dan isteri merakamkan gambar kenang-kenangan bersama-sama Mohd. Rashid Hasnon pada Majlis Anugerah Usahawan Berjaya Peserta PTSR 2014 baru-baru ini.

**INFO :**
**Tel. : 012 – 584 8663.**

# Peningkatan cukai taksiran kadar marginal, elak beban pembayar

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **KOAY SHIANN HUAH**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa terdapat sedikit peningkatan berhubung kadar cukai taksiran membabitkan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2015.

Katanya, Kerajaan Negeri memutuskan untuk hanya meningkatkan kadar secara marginal cukai (taksiran) kerana tidak ingin membebankan para pembayar.

"Kedua-dua PBT tidak membuat semakan kadar cukai taksiran sejak 2005. Sebelum ini, ia disemak serta dikaji pada setiap lima tahun.

"Malah, Kerajaan Negeri sebelum ini telah beberapa kali menolak cadangan penyemakan senarai nilaian walaupun ianya dibenarkan mengikut undang-undang melalui peruntukan Seksyen 137 (3) Akta Kerajaan Tempatan," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Ang Aing Thye dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud.

Menurut Kon Yeow, melalui peningkatan tersebut, MPPP dijangka dapat menambah pendapatan kepada RM180.9 juta berbanding RM160.438 juta pada tahun ini (2014).

"Bagi MPSP, dijangka dapat menambah pendapatan sebanyak RM20.49 juta menjadikan RM158.2 juta tahun hadapan berbanding tahun ini (RM137.7 juta)," jelasnya.

Beliau memberitahu, peningkatan tersebut adalah perlu bagi menambah pendapatan tambahan bagi kedua-dua Majlis terutamanya bagi menampung kos operasi yang semakin meningkat.

"Peningkatan ini bakal menampung kos operasi yang lebih tinggi dengan menyediakan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat.

"Kita dapat melaksanakan projek-projek pembangunan yang perlu seperti meningkatkan kemudahan asas sedia ada," ujar Kon Yeow.



**CHOW Kon Yeow (tengah) menunjukkan buku Akta Kerajaan Tempatan 1976 sambil ditemani Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan Ir. Ang Aing Thye (dua dari kiri) pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Penyertaan bertambah, nobat kejohanan catur antarabangsa terbesar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PANTAI JEREJAK –** Seramai 300 peserta dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam kejohanan catur terbesar di Malaysia, *6th Penang Heritage City International Chess Open 2014* yang berlangsung di negeri ini baru-baru ini.

Kejohanan anjuran Persatuan Catur Pulau Pinang (PCA) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan syarikat minyak dan gas, Wah Seong Corporation Berhad tersebut berjaya menggamit penyertaan dari 19 buah negara termasuk Sepanyol, New Zealand, Mongolia, Macedonia, Uzbekistan, Estonia, Croatia, Finland, England, China, Filipina, Singapura, India, Sri Lanka, Jepun, Thailand, Australia dan Indonesia.

Antara nama-nama besar yang turut tersenarai dalam kejohanan berkenaan ialah Susanto Megaranto dari Indonesia *(gelaran Grand Master - GM)*, Buenaventura Villamayor dari Filipina (GM), Srinath Narayanan dari India (*gelaran International Master – IM)* dan Enrique Paciencua dari Singapura (IM).

Bagi pemain tempatan, nama-nama seperti Nur Najiha Azman Hisham dan Tan Li Ting yang memegang gelaran *Women FIDE Master* (WFM) oleh Badan Catur Dunia (FIDE) turut bersaing dalam kejohanan menggunakan Sistem Swiss dengan sembilan pusingan bagi kedua-dua kategori yang dipertandingkan tahun ini iaitu Terbuka dan Saingan.

Menurut Presiden PCA, Lee Ewe Ghee, kejohanan tersebut merupakan suatu kejayaan besar memandangkan jumlah penyertaan bertambah berbanding tahun lalu iaitu 278 pemain.

"Sejak lima tahun penganjuran kejohanan, kali ini, jumlah peserta bertambah dan menjadikan ianya kejohanan catur antarabangsa terbesar yang pernah diadakan di Malaysia," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow yang hadir merasmikan kejohanan tersebut berharap semua peserta dapat meluangkan masa menikmati keindahan dan keunikan di sekitar George Town.



**NUR Najiha Azman Hisham (depan, kanan) berentap dengan pemain dari India, Swapnil S. Dhopade sempena penganjuran *6th Penang Heritage City International Chess Open 2014* di sini baru-baru ini.**



**PARA peserta yang berentap.**

## Kuatkuasa Cukai Taksiran baru 1 Jan. minimum – YDP MPSP



**MAIMUNAH Mohd. Sharif pada sidang media di lobi Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG PERAI –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akhirnya terpaksa melaksanakan kadar tahunan baru cukai taksiran berkuatkuasa 1 Januari tahun depan, selepas Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 sebanyak dua kali mengabaikan syor Putrajaya untuk menaikkan cukai pintu di Seberang Perai.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif bagaimanapun berkata, Kerajaan Negeri bersetuju menaikkan kadar peratusan cukai tersebut sahaja berdasarkan Senarai Nilaian sedia ada demi meminimumkan risiko beban hidup rakyat.

"Kerajaan Negeri ambil keputusan untuk menaikkan kadar peratus sahaja, tetapi, nilai tahunan masih lagi (mengikut) kadar Nilai Tahunan 2005 lagi.

"Jadi, dari segi kenaikan (cukai taksiran) itu adalah paling minimum," ujarnya kepada wartawan selepas berucap pada Perhimpunan Korporat di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha MPSP, Sr. Rozali Mohamud dan Ahli Majlisnya, Tan Cheong Heng turut menyertai sidang media itu.

Menurut Maimunah, Senarai Nilaian diguna pakai MPSP sekarang sebenarnya berkuatkuasa pada 1 Julai 2005 dan sepatutnya tamat pada 30 Jun 2010 lagi.

Justeru, beliau menjelaskan, penilaian semula cukai taksiran yang ditetapkan kini berdasarkan Seksyen 137(3) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 71).

Seksyen tersebut antara lain menyebut, *"Senarai Nilaian baru hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri."*

Dalam perkembangan sama, Maimunah memberitahu bahawa prestasi tunggakan cukai taksiran saban tahun kian menurun sejak 2009.

"Jumlah cukai taksiran tertunggak pada 2007 berjumlah RM47.87 juta, dan meningkat RM48.37 juta pada tahun 2008.

"Pun begitu, cukai taksiran tertunggak pada tahun 2009 menurun pada angka RM45.92 juta, diikuti RM42.62 juta (2010), RM34.32 juta (2011), RM27.43 juta (2012) dan RM21.85 juta (2013)," kata beliau.

# Laluan basikal Sg. Pinang, wujudkan peralihan mod pengangkutan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING & SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak RM4.6 juta diperuntukan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi membina jambatan basikal sepanjang 1.1 kilometer (km) merentasi Sungai Pinang menuju ke pusat bandar di sini baru-baru ini.

Pelancaran tersebut adalah seiring dengan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mewujudkan suatu peralihan mod pengangkutan lain bagi menangani masalah kesesakan trafik di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek tersebut melibatkan jambatan basikal dan laluan pejalan kaki merentasi Sungai Pinang berserta lorong (basikal) berdedikasi khas sepanjang 1.55km keseluruhannya.

"Sebahagian daripada laluan ini (di atas tanah) iaitu sepanjang 450 meter (m) adalah dibiayai syarikat swasta dengan nilai RM100,000.

"Ini menjadikan kos keseluruhan sebanyak RM4.7 juta," ujarnya pada Majlis Pelancaran Laluan Basikal Dedikasi Dari Sungai Pinang ke Pusat Bandar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Yang di-Pertua MPPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Tambah Guan Eng, pengimplementasian tersebut adalah sebahagian daripada projek laluan basikal sejauh 12.5km yang telah dirancang MPPP dengan kerjasama bersama pihak pemaju sebelum ini.

"Laluan ini telah hampir dilengkapkan.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus sebelum memulakan kayuhan pada Majlis Pelancaran Laluan Basikal Dedikasi Dari Sungai Pinang ke Pusat Bandar baru-baru ini.**

"Ia bermula dari pusat membeli-belah Queensbay (Bayan Baru) dan menyusur melalui kawasan pantai timur pulau menuju ke pusat bandar George Town," jelas beliau.

Dalam pada itu, katanya, setakat ini, MPPP telah menyediakan koridor laluan basikal berasingan iaitu di kawasan Zon Warisan, Persiaran Gurney ke Teluk Bahang dan Teluk Bahang ke Bayan Lepas.

"Manakala, *Eco Bike Trail* di kawasan Balik Pulau pula meliputi kawasan bendang padi, perkampungan dan tepi laut sejauh 20km," ujar Guan Eng.



**PANORAMA di atas laluan basikal dedikasi merentasi Sungai Pinang ke pusat bandar di sini.**

# Lesenkan perniagaan pastikan aktiviti sah - Pengarah Pelesenan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Azman Sirun, penetapan syarat-syarat dalam melesenkan aktiviti perniagaan adalah bertujuan memastikan aktiviti tersebut dijalankan dengan sah selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPPP 1991 di sini.

Katanya, Undang-Undang Kecil tersebut adalah bagi memastikan aktiviti perniagaan dapat dikawal selia di samping memastikan kualiti perniagaan terpelihara.

Secara umumnya, terdapat tiga kategori lesen yang dikeluarkan MPPP, iaitu Lesen Pelbagai Tred, Lesen Gerai dan Penjaja serta Lesen Perniagaan Kecil.

"Kini, bagi Lesen Gerai dan Penjaja, pemberian (lesen) hanya dijalankan melalui temuduga terbuka yang diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

"Temuduga terbuka ini dijalankan sebulan sekali dan akan dihebahkan melalui media cetak, papan notis serta portal rasmi MPPP iaitu tarikh dua minggu sebelum proses temuduga dibuat.

"Namun, kejayaan permohonan adalah bergantung kepada jumlah dan keperluan kekosongan yang terdapat di gerai pasar, tapak penjaja sementara ataupun kompleks-kompleks milik Majlis," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Azman memberitahu, pengendalian prosedur berbeza diperlukan bagi kategori Lesen Pelbagai Tred yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Establishment Makanan MPPP 1991.

"Bagi lesen ini (Pelbagai Tred), dokumen terperinci dan pemeriksaan menyeluruh perlu dilakukan sebelum sebarang keputusan permohonan dibuat dalam tempoh sekurangnya 28 hari bekerja. Lesen ini termasuklah untuk aktiviti berisiko seperti rumah urut, bar, premis hiburan dan sebagainya.

"Pemohon perlu menyediakan dokumen terperinci seperti pelan lakaran lokasi terlibat, pelan lantai, gambar premis dan salinan kebenaran bangunan/tuan tanah untuk tujuan pemprosesan lesen," jelasnya.

Tambah beliau, mengikut prosedur, sebelum sebarang keputusan permohonan dilulus ataupun ditolak, premis akan diperiksa terlebih dahulu oleh pegawai Majlis dan ulasan daripada Jabatan Teknikal diperlukan.

"Kemudian, ia akan dibentangkan untuk pertimbangan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kesihatan Awam dalam tempoh seminggu sebelum surat kelulusan dan lesen bersyarat dikeluarkan," katanya.




**CARTA pengeluaran lesen Bahagian Pelesenan MPPP.**

Tambah Azman, pemantauan berskala sekurangnya dua kali setahun akan dilakukan bagi memastikan lesen dikeluarkan mengikut garis panduan sepenuhnya.

Ketika ditanya berhubung kediaman atau bangunan komersial yang ditukar kepada perniagaan, Azman menyatakan bahawa penukaran kediaman kepada kegunaan lain adalah di luar bidang kuasa Bahagian Pelesenan, sebaliknya, perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Bangunan MPPP.

Bagi maklumat lanjut, layari portal *www.mppp.gov.my* atau hubungi Bahagian Pelesenan di talian **04 – 263 8818**. (Rujuk lampiran 1).

# DUN Batu Maung hasrat teraju pengajian STEM

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU MAUNG** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim mengajak semua pihak termasuk ibu bapa dan guru-guru supaya berganding bahu membimbing pelajar untuk lebih meminati pengajian berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM.

Abdul Malik berkata, pelajar perlu didedahkan dengan keempat-empat elemen pengajian tersebut sejak di bangku sekolah ekoran tanggapan bahawa subjek-subjek berkenaan kurang menarik dan susah.

"Oleh demikian, saya berhasrat menyahut seruan Y.A.B. Ketua Menteri dalam pembentangan Bajet 2015 baru-baru ini untuk mewujudkan sebuah pusat pengajian di Batu Maung dan menjadi peneraju dalam pengajian STEM.

"Bagi tahun 2015, saya akan usaha menaikkan standard STEM seiring strategi Kerajaan Negeri dalam memperkasa pembangunan modal insan dengan mengukuhkan pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan.



**AHLI jawatankuasa penganjur bertungkus-lumus mengangkat beg-beg sumbangan.**

"Saya juga menyeru agar sektor-sektor swasta dan industri boleh turut sama terlibat menjayakan pengajian STEM ini sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri mentransformasikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan sains, teknologi dan kejuruteraan di Malaysia," ucapnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung dekat sini baru-baru ini.



**AKSI ceria salah seorang penerima yang menerima sumbangan daripada Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan DUN Batu Maung di sini baru-baru ini.**

Seramai 400 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan menerima bantuan persekolahan daripada Pusat Urus Zakat (PUZ), manakala 66 pelajar lain menerima bantuan persekolahan daripada Pusat Khidmat ADUN Batu Maung. Penyampaian bantuan disempurnakan Abdul Malik sendiri.

## MPPP belanja RM3.53 juta naiktaraf Lorong Bt. Lancang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BATU LANCHANG –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) siap menaiktaraf sebahagian Jalan Batu Lancang sepanjang 660 meter, dengan belanja RM3,530,762.50 di sini baru-baru ini.

Wong Hon Wai selaku Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri dalam kenyataannya berkata, kerja penaiktarafan jalan tersebut memberi manfaat kepada rakyat, khususnya kira-kira 5,000 pelajar daripada lima sekolah di sini.

"Kajian MPPP mendapati Lorong Batu Lancang mengalami kesesakan yang teruk pada waktu puncak dan hujung minggu sehingga membahayakan murid daripada lima sekolah di sepanjang jalan ini.

"Disebabkan itu, dua lintasan berlampu isyarat yang menelan belanja RM90,000 turut dipasang di sini supaya murid Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lancang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Georgetown tidak perlu lagi berkongsi sebuah lintasan pejalan kaki seperti dulu," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPPP, A. Rajendran memberitahu, kontraktor yang dipilih, iaitu MK Bashah (PG) Sdn. Bhd. memulakan kerja penaiktarafan projek tersebut pada 21 Oktober lepas dan siap lebih awal daripada tarikh sasaran, 1 Disember lalu.

"Pelebaran di kedua-dua hala jalan menjadi tiga lorong, pembinaan laluan pejalan kaki serta menaiktarafkan sebahagian sistem perparitan telahpun siap.

"Lorong tambahan untuk belok kiri dari Lorong Batu Lancang ke Jalan Masjid Negeri turut siap dibina," ujar Rajendran kepada wartawan.

Tambah beliau, lorong tambahan sepanjang 200 meter untuk kemudahan menurun serta mengambil pelajar turut dimajukan dalam kerja penaiktarafan Lorong Batu Lancang di sini.



**WONG Hon Wai (tiga dari kiri) memimpin tangan salah seorang pelajar melintas lintasan pejalan kaki berlampu isyarat baru dibina di pekarangan depan SK Batu Lancang di sini baru-baru ini.**

Bercakap pada sidang media sama, Yang di-Pertua Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) SK Batu Lancang, Andy Ooi C.H. melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri atas penaiktarafan projek tersebut.

"Saya pun berharap kesesakan trafik dan risiko kemalangan di sini dapat dikurangkan selepas siap inisiatif Kerajaan Negeri ini," ujarnya.

## PLB biayai kos bina jalan alternatif Bkt. Kukus



**WONG Hon Wai (enam dari kiri) menyaksikan Ong Choo Hoon (tujuh dari kanan) menyerahkan cek baki bantuan berjumlah RM54,000 kepada Chin Leong Kong (lima dari kiri) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Pemaju, Kumpulan PLB bersetuju membiayai keseluruhan kos pembinaan jalan altenatif ke puncak Bukit Kukus dekat Paya Terubong yang berjumlah RM90,000 demi kepentingan penduduk setempat, susulan bencana tanah runtuh 9 September lepas di sini.

Wong Hon Wai selaku Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri berkata demikian selepas mengadakan perbincangan ringkas dengan wakil penduduk dan wakil PLB.

"Ini bukan pampasan, tetapi sejenis bantuan bencana tanah runtuh daripada PLB kerana membabitkan tanah PLB, serta menyukarkan akses lima keluarga terbabit ke kawasan perumahan mereka di atas Bukit Kukus.

"RM36,000 telahpun diberikan kepada penduduk dan baki RM54,000 lagi akan PLB serahkan kepada wakil penduduk dalam bentuk cek sekarang," ujarnya yang juga ADUN Air Itam kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dan Pengarah Jabatan Kejuruteraan bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Ir. Addnan Mohd. Razali turut menyertai majlis berkenaan.

Pada majlis tersebut, Pengerusi Eksekutif Kumpulan PLB, Datuk Seri Ong Choo Hoon sendiri menyerahkan cek berjumlah RM54,000 kepada wakil penduduk, Chin Leong Kong.

Difahamkan, kerja-kerja memajukan jalan alternatif sementara tersebut akan dilakukan sendiri oleh kontraktor dilantik penduduk berkaitan.

Sebahagian Bukit Kukus merupakan kawasan dusun durian persendirian, didiami turun temurun oleh lima keluarga besar berkenaan sejak hampir 100 tahun dulu.

# Pelajar cemerlang & kurang mampu dirai, dibantu



JAGDEEP Singh Deo (barisan belakang, tujuh dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan lain dan para penerima pada Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang UPSR, PMR, SPM & STPM dan Sumbangan Seragam Sekolah KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **KOAY SHIANN HUAH**

**DATUK KERAMAT–** Seramai 294 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan umum negara diraikan dalam satu Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Kerama di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Jagdeep Singh Deo berkata, majlis diadakan sebagai menghargai para pelajar cemerlang selain merapatkan hubungan dalam kalangan warga Datuk Keramat.

"Kerajaan Negeri memandang berat soal pendidikan di bangku sekolah memandangkan ia (pendidikan) adalah pelaburan terbaik bagi kerajaan untuk rakyat.

"Rangsangan pendidikan boleh dilakukan dalam pelbagai cara dan hari ini, kita meraikan pelajar-pelajar cemerlang dalam peperiksaan serta mengagihkan sumbangan pakaian seragam sekolah kepada 500 (pelajar) terpilih daripada keluarga kurang berkemampuan," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) & Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sumbangan Seragam Sekolah KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Jagdeep memberitahu, sejumlah RM40,000 berupakan baucar diperuntukan bagi menjayakan majlis berkenaan.

Setiap pelajar cemerlang menerima baucar buku bernilai RM50, sijil penghargaan berserta plak Anugerah Pelajar Cemerlang, manakala pelajar yang menerima sumbangan seragam sekolah turut menerima baucar belian alat tulis bernilai RM50 selain kelengkapan sekolah lain.



SEBAHAGIAN daripada 294 pelajar cemerlang menunjukkan plak pengiktirafan yang diterima.

## Bantuan persekolahan bukti KN ambil peduli kebajikan pelajar



R.S.N. Rayer (barisan belakang, dua dari kiri) dan Ramkarpal Singh (barisan belakang, tiga dari kiri) bersama-sama sebahagian penerima bantuan pakaian seragam sekolah menunjukkan tanda bagus pada majlis penyampaiannya di sini baru-baru ini.

Gambar : **CHAN LILIAN**

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer mengambil inisiatif khas mengagih-agihkan 460 helai pakaian seragam sekolah kepada para pelajar sekolah rendah dengan melibatkan peruntukan keseluruhan bernilai RM20,500 di sini baru-baru ini.

Rayer ketika ditemui berkata, pemilihan penerima bantuan adalah berdasarkan beberapa kriteria, antaranya pendapatan keluarga dan jumlah tanggungan.

Jelasnya, inisiatif pengagihan bantuan pakaian seragam sekolah yang diadakan adalah bertujuan meringankan beban ibu bapa, terutama mereka yang mempunyai bilangan anak ramai dan yang benar-benar memerlukan bantuan.

"Saya berharap bantuan yang diterima dapat menyuntik semangat adik-adik (penerima) semua untuk belajar bersungguh-sungguh dan berusaha keras bagi mencapai keputusan cemerlang.

"Saya percaya bantuan ini walaupun tidak seberapa, tetapi nilainya cukup berharga kepada golongan-golongan tertentu.

"Pada masa sama, ia juga membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mengambil peduli akan kebajikan murid-murid sekolah di negeri ini," katanya ketika ditemui sejurus selepas Program Pembekalan Pakaian Seragam Sekolah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.



WONG Hon Wai (tengah, tunduk) mengenakan seragam kepada salah seorang penerima sambil diperhatikan kanak-kanak lain pada majlis sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

## NGO sumbang bantuan persekolahan

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**GEORGE TOWN –** Seramai 301 murid dari 11 rumah kebajikan dan anak-anak yatim terpilih sekitar Pulau Pinang menerima sumbangan bantuan pakaian seragam dan kelengkapan persekolahan daripada sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) di sini baru-baru ini.

Pengerusinya, Sukhindarpal Singh berkata, Projek Baju Sekolah yang telah dimulakan pada tahun 2013 diteruskan saban tahun bagi membantu golongan memerlukan terutamanya murid-murid dari rumah-rumah kebajikan serta anak-anak yatim.

Antara rumah-rumah kebajikan terlibat, Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Pulau Pinang (Wisma Perempuan dan Wisma Lelaki), Ramakrishnan Ashrama, *St. Joseph's Home*, Rumah Kebajikan Seri Cahaya, *Salvation Army*, *Malaysia Hindu Sangam Butterworth Council*, *Crystal Family Home*, *Shammah Home* dan *Shan Home*.

Dalam pada itu, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai ketika hadir merasmikan majlis penyampaian sumbangan bantuan memuji inisiatif MCCBCHST berkenaan.

"Majlis ini boleh dikatakan sebagai program serampang dua mata kerana, selain memberi bantuan kepada anak-anak yatim, orang ramai yang hadir pada program yang diadakan serentak iaitu *Occupy Beach Street* juga dapat berinteraksi bersama anak-anak yatim dalam suasana santai.

"Siapa tahu pengunjung yang hadir mungkin juga berminat untuk menghulurkan bantuan kepada rumah-rumah kebajikan ini," katanya yang berharap lebih ramai tampil menghulurkan bantuan sama ada berbentuk wang ringgit mahupun kelengkapan kepada penghuni rumah-rumah kebajikan di sini.

PENANG TRADE EVENTS 2015

حلال
PIHEC2015

# Ekspo & Persidangan HALAL ANTARABANGSA KALI KE -6



**30 JAN - 1 FEB | 10 PG - 8 MLM | SPICE ( PISA)**

## SEGALANYA DIBAWAH SATU ARENA

LEBIH 300 TAPAK JUALAN & PAMERAN

**MASUK PERCUMA**


EKSPO HALAL ANTARABANGSA

WORLD CURRY FESTIVAL
"WORLD CURRY FESTIVAL"

HALAL INVESTMENT
PERSIDANGAN HALAL


"PENANG HALAL CHEF CHALLENGE"


SESI PADANAN PERNIAGAAN


BENGKEL USAHAWAN

Disokong Oleh : Tourism Malaysia, investPenang, Penang Global Tourism, HDC

Penaja : EASTIN HOTEL PENANG

Rakan Media : DagangHalal.com

Anjuran :
PIHH DEVELOPMENT SDN. BHD. (HALAL PENANG)
Level 44, KOMTAR, 10503, Penang, Malaysia
T: +604 262 5444 F: +604 263 5444
E: pihec@halalpenang.com

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA LAYARI
www.pihec.com.my